

**KAJIAN TENTANG ALAT MUZIK TRADISIONAL GEDUK  
DALAM PERSEMBAHAN WAYANG KULIT DI KELANTAN**

**MUHAMMAD NORFAZLI BIN JASNI**

UNIVERSITI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**DENGAN KEPUJIAN**

KELANTAN

**2021**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN TENTANG ALAT MUZIK TRADISIONAL GEDUK  
DALAM PERSEMBAHAN WAYANG KULIT DI KELANTAN**

Oleh

MUHAMMAD NORFAZLI BIN JASNI

C17A0139

**Laporan dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan  
Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2020/2021**

## PERAKUAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah digunakan oleh ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi yang lain.

### AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan ini dibuat secara terbuka dan didapati dalam hardcopy atau talian akses terbuka.

### SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

### TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.
3. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan tujuan pengajian sahaja.

Disahkan oleh :

*Fazli*



(Tanda tangan Pelajar)

(Tanda tangan penyelia)

Tarikh : 5/2/2021

Nama : Raja Iskandar Bin  
Raja Halid

Tarikh: 5/2/2021

Nota\* Sekiranya Laporan ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi dengan nikmat kesihatan yang diberikan dapatlah saya menyiapkan tesis bagi projek penyelidikan ini dengan jayanya. Tambahan pula projek penyelidikan ini merupakan salah satu syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan sesi 2020.

Kajian ini telah berjaya disempurnakan dengan bantuan ikhlas dari beberapa pihak yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung. Pertama sekali, saya menghulurkan jutaan terima kasih kepada Dr. Raja Iskandar Bin Raja Halid Selaku penyelia projek penyelidikan saya yang telah banyak memberi dorongan serta sumbangan idea kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Segala penat leleh dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau dalam menyelesaikan kajian ini amat saya hargai.

Seterusnya, sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih saya ucapkan kepada ibu saya Noorliza Binti Ismail serta ahli keluarga yang turut membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dari segi sokongan moral dan sokongan secara fizikal. Tidak lupa juga kepada senior-senior dan juga rakan seperjuangan yang turut memberikan bantuan yang telah banyak memberi idea serta berkongsi maklumat selama saya menjalani kajian projek penyelidikan ini.

Selain itu, terima kasih juga di ucapkan kepada informen yang memberikan maklumat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Semoga Allah mempermudah segala urusan kami dan memberikan kejayaan di dunia mahupun di akhirat. Akhir kalam, saya juga ingin menghulurkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyelesaikan kajian ini. Semoga kita sentiasa di bawah lindungan-NYA.

## **KAJIAN TENTANG ALAT MUZIK TRADISIONAL GEDUK DALAM PERSEMBAHAN WAYANG KULIT DI KELANTAN**

### **ABSTRAK**

Bagi memenuhi keperluan sukatan tahun akhir bagi kursus Pengajian Warisan, suatu kajian telah dijalankan iaitu kajian berkenaan alat muzik tradisional khususnya Geduk dalam persembahan Wayang Kulit. Bagi kajian ini, terdapat tiga objektif yang menjadi tunjang utama iaitu mengenai cara pembuatan alat muzik Geduk, mengenalpasti Pola Ritma dalam permainan alat muzik Geduk dan juga cara untuk memahami pembelajaran dan latihan dalam permainan alat muzik Geduk. Melalui cara pembuatan alat muzik geduk, dapat dilihat masa yang diperlukan untuk menghasilkan sebuah alat muzik itu sangat lama sekitar 3 minggu. Melalui teknik untuk bermain alat muzik Geduk, dapat dilihat kefahaman terhadap tempo, irama serta rentak lagu amat penting supaya persembahan wayang kulit berjalan lancar. Kajian ini turut menjelaskan berkenaan dengan cara untuk memahami tentang proses latihan dan pembelajaran dalam permainan alat muzik Geduk di mana ianya akan membantu pemain dengan memahami dan menghafal jenis rentak, tempo dan irama dalam waktu masa yang baik dan teratur. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini memudahkan pengkaji untuk memperoleh maklumat secara terperinci dan sempurna.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**RESEARCH ABOUT TRADITIONAL MUSIC INSTRUMENT GEDUK ON  
SHADOW PUPPET IN KELANTAN**

**ABSTRACT**

To fulfill the final year syllabus requirements for the Heritage Studies course, a research has been conducted that is about traditional musical instruments, especially Geduk in Wayang Kulit performances. For this research, three objectives are the mainstay, namely on how to make Geduk musical instruments, to identify the Rhythm Pattern in Geduk musical instruments, and also how to understand learning and training in Geduk musical instruments. Through the method of making a musical instrument, it can be seen that the time required to produce a musical instrument is very long around 3 weeks. Through the technique of playing Geduk musical instruments, it can be seen that the understanding of the tempo, rhythm, and rhythm of the song is very important so that the Wayang Kulit performance runs smoothly. This study also explains how to understand the process of training and learning in the game of Geduk musical instruments where it will help players by understanding and memorizing the types of rhythm, tempo, and rhythm in a good and orderly time. The methodology used in this study facilitates the researcher to obtain detailed and perfect information.

## **ISI KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

PERAKUAN	I
PENGHARGAAN	III
ABSTRAK	IV
ABSTRACT	V
ISI KANDUNGAN	VI
SENARAI RAJAH	X
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Kesimpulan	9



**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.0 Pengenalan 10

2.1 Kesimpulan 15

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan 16

3.1 Rekabentuk Kajian 17

3.2 Kaedah Kajian 18

3.3 Teknik Pengumpulan Data 19

3.4 Data Primer 19

3.4.1 Pemerhatian Turut Serta 20

3.4.2 Kajian Temubual 20

3.4.2.1 Temubual individu 21

3.4.2.2 Temubual Kumpulan 21

3.4.2.3 Rakaman 22

3.5 Data Sekunder 22

3.5.1 Kaedah Perpustakaan 23

3.5.2 Catatan bertulis 23

3.5.3 Internet	24
3.6 Analisis Kajian	24
3.7 Kesimpulan	25
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	26
4.1 Biodata Responden	29
4.2 Proses Pembuatan Alat Muzik Geduk di Kelantan	30
4.2.1 Proses pemilihan bahan dan saiz Geduk	30
4.2.2 Proses pembuatan Geduk bahagian permukaan kulit (Atas/Bawah)	32
4.2.3 Proses pembuatan Geduk bahagian Baluh (Bahagian Badan)	34
4.2.4 Proses pembuatan Geduk bahagian kaki	35
4.2.5 Proses akhir dalam pembuatan Geduk (Finishing)	36
4.3 Mengenalpasti Pola Ritma Alat Muzik Geduk Dalam Persembahan Wayang Kulit	37

4.4 Proses Latihan dan Pembelajaran Permainan Alat Muzik	
Geduk dalam Persembahan Wayang Kulit	43
4.5 Kesimpulan	46
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	47
5.1 Rumusan	48
5.2 Cadangan	49
5.2.1 Individu	50
5.2.2 Masyarakat	51
5.2.3 Kerajaan	52
5.2.4 Usahawan	57
5.2.5 Produk	59
5.3 Kesimpulan	61
<b>BIBLIOGRAFI</b>	63

**SENARAI RAJAH**

<b>BIL</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 4.1	Kayu Nangka	31
Rajah 4.2	Kayu Nangka	31
Rajah 4.3	Gambar Buluh	31
Rajah 4.4	Kulit Kambing	32
Rajah 4.5	Kulit Lembu	32
Rajah 4.6	Contoh permukaan kulit Geduk	33
Rajah 4.7	Proses membuat Baluh Geduk	34
Rajah 4.8	Contoh kakik Buluh pada alat muzik Geduk	35
Rajah 4.9	Alat muzik Geduk yang siap disyelek	36
Rajah 4.10	Contoh syelek yang boleh digunakan untuk proses <i>Finishing</i>	36
Rajah 4.11	Cara memegang dengan 2 jari	38
Rajah 4.12	Cara memegang dengan mengenggam pemukul	38
Rajah 4.13	Lagu Bertabuh	40
Rajah 4.14	Lagu Hulubalang	40
Rajah 4.15	Lagu Perang	40
Rajah 4.16	Lagu Pak Dogo	40
Rajah 4.17	Contoh tanda Ninomik	44

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Wayang Kulit ini adalah satu bentuk teater tradisional yang telah menggunakan satu prinsip cahaya dan bayang. Bayang-bayang yang terhasil dari patung-patung Wayang kulit ini yang terdiri daripada pelbagai watak metodologi dan khayalan telah dilarikan oleh seorang Dalang iaitu pemain watak atau patung dalam persembahan Wayang Kulit. Hal ini kerana, persembahan wayang kulit ini selalunya akan diiringi oleh satu ensembel muzik paluan atau gamelan dan juga alat tiupan (serunai) atau alat bertali (rebab). Seni ini telah tersohor lebih 1,000 tahun pada masa dahulu di kawasan negara Timur Tengah dan juga Asia Tenggara. Di negara Malaysia pula, terdapat beberapa jenis wayang kulit yang masih aktif dan dikekalkan antaranya adalah Wayang Kulit Kelantan, Wayang Kulit Melayu, Wayang Kulit Jawa dan Wayang Kulit Purwo yang dimana jenis Wayang Kulit ini terdapat perbezaan terutamanya dari segi jalan cerita dan wataknya. Wayang Kulit ini juga akan dimainkan atau dipersembahkan dalam sesuatu upacara atau dalam perayaan tertentu. Justeru, fungsi dalam Wayang Kulit ini adalah sebagai salah satu hiburan, kadangkala ianya dikaitkan dengan beberapa unsur ritual yang terdapat dalam sesuatu masyarakat kita. Seni persembahan ini juga telah tersebar dengan meluas dan telah membentuk satu identiti yang tersendiri dalam sesebuah masyarakat di negara kita.

Istilah wayang ini dalam bahasa melayu membawa makna bayang-bayang iaitu bergerak ke sana ke mari. Dalang ini pula membawa erti orang yang akan melakukan persembahan dalam bentuk wayang. Panggung ini pula membawa pengertian kepada tempat yang berbumbung dimana sekelilingnya tertutup dan digunakan dalam pertunjukan wayang. Pada asasnya, hal ini semua untuk membentuk jenis Wayang Kulit yang terdapat di Malaysia dengan mempunyai pengaruh-pengaruh dari serantau kawasan Jawa atau Pattani (Selatan Thai) tetapi dalam perkembangannya itu telah menyebabkan Wayang Kulit ini mengalami satu perubahan dan juga penyesuaian yang mengikut penerimaan dalam konteks masyarakat tempatan. Perkara ini telah berlaku kerana Wayang Kulit ini secara dasarnya adalah satu alat perhubungan antara masyarakat di samping satu rupa pengutaraan dalam kesenian. Dari aspek aliran cerita ini, bentuk patung-patung dan juga watak dalam Wayang Kulit ini masih lagi mengekalkan aspek keaslian dan juga pengaruh asalnya tetapi pada unsur adegan kelakar 'comic relief' ini yang sering terdapat dalam sepanjang cerita wayang kulit itu, ianya telah jelas mengemukakan satu bentuk unsur tempatan dari segi penggunaan bahasa dan juga peristiwa-peristiwa yang digambarkan. Oleh itu, persembahan Wayang Kulit ini sebenarnya boleh dinikmati dan juga dihayati dalam bentuk dua peringkat dan kedua-duanya mempunyai peranan yang penting dalam sesuatu persembahan Wayang Kulit.

Selain itu, persembahan wayang kulit ini terbahagi kepada aspek muzik, percakapan dan gerak-geri. Lazimnya, semasa patung atau watak itu bercakap iringan muzik perlu berhenti. Pada masa patung bercakap, hanya memerlukan sedikit pergerakan sahaja seperti melalui pergerakan sendi tangan patung atau watak yang bercakap. Sebaliknya, apabila patung-patung itu akan digerakkan seperti dalam perjalanan ke sesuatu tempat atau suasana yang kalut dan rumit maka peranan dalam

iringan muzik akan membantu untuk membina suasana pergerakan tersebut. Justeru, Tok Dalang adalah orang yang paling penting dalam persembahan Wayang Kulit ini. Hal ini kerana ia mengambil tempat duduk di belakang tabir pentas dan beliau ini juga akan menggerakkan patung-patung watak dengan memberi suara dan corak suara yang berbeza mengikut watak dimainkan dalam persembahan Wayang Kulit. Tok Dalang ini juga dibantu oleh Tukang Unjuk iaitu peranannya yang menyediakan patung-patung watak dengan berdasarkan jalan cerita yang hendak disampaikan oleh Tok Dalang tersebut. Alat Kayu Kasah ini adalah sejenis alat muzik yang digunakan untuk menghasilkan kesan bunyi semasa adegan pergaduhan dalam persembahan Wayang Kulit. Patung-patung ini akan dicucuk di atas batas pisang di bahagian depan. Bayang watak ini juga akan terhasil kesan daripada cahaya pelita minyak kelapa atau mentol elektrik yang digunakan dalam persembahan Wayang Kulit.

Peranan alat muzik dalam wayang kulit amat penting bagi mengiringi jalan cerita dan membantu menimbulkan suasana dalam persembahan wayang kulit. Antara alat muzik dalam wayang kulit ialah canang. Canang ini merupakan sejenis alat muzik dalam kategori keluarga gong yang saiz ukurannya kecil. Ia juga berperanan sebagai alat untuk 'penanda masa' (*time marker*) dalam sesuatu ensembel paluan tradisional, Gedombak pula merupakan sejenis alat muzik dalam kategori keluarga gendang, ianya mempunyai bingkai kayu yang ditutupi dengan belulang pada bukaan besar dan sejenis gendang bentuknya seperti jambangan bunga. Geduk ini adalah sejenis gendang yang mempunyai dua permukaan. Muka geduk ini diperbuat daripada belulang lembu, kerbau dan juga kambing. Geduk ini juga dimainkan secara berpasangan seperti Geduk Ibu dan Geduk Anak dalam mengiringi persembahan Wayang kulit. Seterusnya, serunai adalah sejenis alat muzik yang sangat penting dalam persembahan Wayang Kulit dengan cara menggunakannya seperti meniup apabila hendak membunyikannya dan terhasil satu

bunyian dari alat muzik Serunai tersebut. Kesi ini pula sejenis alat idiofon yang dibentukkan daripada beberapa kepingan tembaga. Bahagian tengah permukaannya juga berbentuk melengkung ke dalam. Alat ini berperanan sebagai alat pelengkap irama dalam ensembel paluan muzik tradisional. Mong ini diperbuat daripada bahan perunggu. Ianya dimainkan dalam satu bentuk set yang teratur diatas regangan tali-tali pada para khas. Gong atau Tetawak Ibu ini juga berperanan sebagai satu alat 'kolotomik' tujuan utama dalam budaya muzik masyarakat tradisional Melayu di Malaysia ini. Akhir sekali ialah Gendang Ibu dan Anak, ianya diperbuat daripada bahan kayu yang baik dan juga tahan lasak dengan fokusnya untuk mengeluarkan satu bunyian yang baik dan sempurna.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Wayang Kulit ini telah lama berkembang khususnya di negeri Kelantan. Pada ketika dahulu, kesenian Wayang Kulit ini pernah mendapat sambutan yang hangat di kalangan masyarakat Melayu sehinggakan pengaruhnya dalam seni Wayang Kulit ini telah tersebar dari Kelantan ke negeri-negeri jiran seperti Terengganu, Pahang, Kedah dan Perak. Sebagai contoh, Wayang Kulit Siam, ianya merupakan salah satu dari empat jenis persembahan wayang kulit yang masih aktif dan terdapat di Malaysia. Wayang Kulit Siam ini telah dikenal pasti sebagai jenis persembahan Wayang Kulit yang tertua di negara Malaysia. Selain itu, jenis Wayang Kulit ini juga adalah yang paling terkenal dan terpenting di negara Malaysia sejak dari zaman dahulu hingga masa kini.

Di negeri Kelantan, masih terdapat beberapa tempat yang mengekalkan tradisi Wayang Kulit seperti di kawasan Kota Bharu, kampung Kebakat, Tumpat dan sebagainya. Namun, penglibatan masyarakat generasi masa kini untuk menceburi dalam bidang seni tradisi Wayang Kulit ini masih lagi kurang mendapat sambutan dan hanya



segelintir masyarakat sahaja yang minat dalam bidang seni tradisi Wayang Kulit ini. Hal ini demikian kerana, pendedahan Wayang Kulit terhadap generasi muda kini tidak dipedulikan dan menganggap seni tradisi ini tidak menarik jika dibandingkan dengan persembahan dan muzik moden yang berkembang dengan arus semasa generasi kini. Selain itu, sesetengah golongan masyarakat juga tidak mementingkan seni tradisi Wayang Kulit ini kerana telah ditenggelami zaman.

Selain itu, seni tradisi Wayang Kulit masih diteruskan dalam sesuatu persembahan yang diadakan tetapi ianya masih kurang mendapat perhatian dari masyarakat kini. Generasi kini kurang berminat dalam mempelajari persembahan Wayang Kulit dan hanya sesetengah golongan sahaja yang berminat untuk mempelajari dalam persembahan Wayang Kulit. Bagi golongan yang berminat untuk mendalami ilmu Wayang Kulit, mereka boleh mempelajari banyak hal dalam persembahan Wayang Kulit sebagai contoh bermain alat muzik tradisional dalam Wayang Kulit iaitu geduk. Alat muzik seperti Geduk ini terbahagi kepada dua iaitu Geduk Ibu dan Anak. Cara bermainnya amat mudah dan ianya mempunyai gaya tersendiri dalam persembahan Wayang Kulit. Geduk juga berperanan penting dalam persembahan Wayang Kulit sebagai bunyi yang menyokong alat muzik yang lain. Ianya tidak sukar dimainkan jika berusaha mempelajarinya dengan betul. Namun, untuk menarik minat generasi muda untuk meneruskan dalam bidang Wayang Kulit ini sukar jika tiada perasaan kecintaan terhadap warisan seni seperti Wayang Kulit ini.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- I. Untuk mengetahui proses-proses pembuatan alat muzik tradisional Geduk, Kelantan.
- II. Mengenalpasti Pola Ritma permainan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit.
- III. Memahami cara pembelajaran dan latihan dalam permainan alat muzik tradisional Geduk dalam Wayang Kulit.

### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

- I. Apakah proses-proses pembuatan alat muzik tradisional Geduk ?
- II. Bagaimanakah Pola Ritma permainan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit ?
- III. Apakah cara pembelajaran dan latihan dalam permainan alat muzik tradisional Geduk dalam wayang kulit ?

## 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini dilakukan di negeri Kelantan terutamanya di kawasan perkampungan Kebakat, Tumpat. Kajian ini hanya fokus kepada alat muzik tradisional iaitu Geduk dalam persembahan Wayang Kulit. Hal ini kerana, kebanyakan penggiat aktif dalam Wayang Kulit menetap di kawasan itu. Selain itu, terdapat banyak alat muzik dalam Wayang Kulit dan setiap dari alatan muzik tersebut menghasilkan bunyi yang berbeza dan cara bermainnya. Alat muzik dalam Wayang Kulit ini menggunakan alatan muzik tradisional dan bunyi yang dihasilkan ini juga unik dan menarik. Jadi, ia menjadi kepentingan dalam persembahan Wayang Kulit kerana boleh menimbulkan suasana penceritaan oleh Tok Dalang dengan baik dengan adanya iringan bunyi alat muzik yang berbeza-beza. Dengan adanya iringan alat muzik, persembahan Wayang Kulit menjadi sempurna dan dapat menarik perhatian penonton dengan bunyian agar tidak membosankan dengan hanya penceritaan dari Tok Dalang sahaja

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian ini seseorang individu akan memperolehi kepentingan dalam ilmu pengetahuan. Dengan pengetahuan yang diperolehi ini juga seseorang individu itu juga boleh berkongsi tentang ilmu pengetahuan tersebut kepada masyarakat yang lain supaya ianya dapat memberi pendedahan tentang alat muzik tradisional seperti Geduk dalam persembahan Wayang Kulit. Pencerahan tentang ilmu ini sedikit sebanyak akan membuka mata sesetengah pihak tentang seni tradisi Wayang Kulit di Kelantan. Selain itu, kajian yang dilakukan ini juga dapat memberi pengkaji jawapan tentang kepentingan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit. Justeru, seni tradisi Wayang Kulit ini ialah salah satu identiti warisan dalam seni budaya masyarakat Kelantan dan perlu diberi kesedaran terhadap masyarakat supaya menjaga dan memelihara tradisi warisan nenek moyang dahulu untuk mengelakkan dari ditenggelami zaman sehingga dilupakan oleh generasi kini. Hal ini demikian, penglibatan dalam persembahan Wayang Kulit juga boleh dijadikan sebagai sumber pekerjaan untuk mencari pendapatan dengan melakukan persembahan Wayang Kulit seperti menjadi Tok Dalang ataupun sebagai pemain muzik dalam persembahan disamping dapat memartabatkan warisan Wayang Kulit kepada golongan masyarakat kini. Pengkaji juga boleh mengetahui Pola Ritma permainan yang terdapat dalam alat muzik tradisional iaitu Geduk Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan digunakan untuk generasi akan datang tentang alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit.

## 1.7 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan kajian yang dilakukan tersebut adalah bertujuan untuk mengenalpasti cara-cara pembuatan alat muzik tradisional Geduk dalam Wayang Kulit di Kelantan. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenalpasti Pola Ritma permainan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit disamping ingin memahami cara pembelajaran dan latihan tentang alat muzik tradisional Geduk dalam Wayang Kulit. Hal ini kerana, Wayang Kulit ialah satu tradisi yang ditinggalkan oleh nenek moyang dahulu dan ianya perlu dipelihara supaya seni tradisi ini tidak ketinggalan zaman. Generasi masa kini perlu di dedahkan dengan persembahan Wayang Kulit supaya dapat memahami nilai yang penting dalam persembahan Wayang Kulit.

Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam memelihara seni tradisi Wayang Kulit ini dan perlu memartabatkan Wayang Kulit ini sehingga dikenali oleh masyarakat dan bangsa yang lain. Warisan negara perlu diangkat tinggi oleh masyarakat supaya seni tradisi ini tidak dilupakan dan sentiasa mewarisi dari generasi ke generasi ke hadapan. Jika tidak diendahkan dan tidak di pedulikan maka, kesenian dalam tradisi kita akan pupus dan golongan masyarakat tidak akan kenal warisan yang diwarisi oleh zaman dahulu lagi. Dengan itu, Wayang Kulit perlu dipelihara dan didedahkan kepada golongan masyarakat supaya dapat memelihara warisan seni disamping menarik minat golongan masyarakat untuk mencuba menceburi bidang dalam persembahan Wayang Kulit serta alat muzik tradisionalnya.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 PENGENALAN

Di dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan tentang kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji yang lepas yang berkait rapat dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana untuk memudahkan pengkaji untuk memahami dengan lebih baik akan tajuk yang dikaji iaitu “ Mengkaji Alat Muzik Tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit di Kelantan “. Selain itu, dengan menyelidik serba sedikit kajian yang lepas juga dapat membantu pengkaji dengan memperoleh maklumat yang ilmiah berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan ini. Tambahan pula, dengan melihat kajian terdahulu ini sekaligus dapat membantu pengkaji dalam mengenalpastikan perkara yang belum dikaji yang berkait rapat dengan tajuk kajian yang ingin dilakukan ini.

Pengkaji telah mengambil beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan alat muzik tradisional khususnya yang mempunyai kaitan dengan alat muzik tradisional Geduk dalam Wayang Kulit contohnya pengkajian alat muzik paluan dan jenis alat muzik tradisional yang lain. Hal ini disebabkan tiada lagi kajian khusus tentang alat muzik tradisional Geduk ini. Oleh itu, terdapat beberapa kajian lepas yang dilakukan oleh beberapa orang pengkaji dan masing-masing melihat daripada sudut dan aspek yang berbeza dalam kajian tersebut.

Patricia Matusky telah menumpukan kajian keatas muzik kesukuan di Sarawak. Melalui karya beliau yang berjudul : *Musical Instruments of the Indigeneous People*, (1991) yang membincangkan alat-alat muzik tradisional yang digunakan dalam pelbagai *genre* di Sarawak. Setiap fungsi dan peranan alat muzik itu mengikut bagaimana ia digunakan dalam upacara ritual dan hiburan. Begitu juga, cara pembuatan alat-alat muzik ini bergantung kepada suku-suku masyarakat itu sendiri mengikut kepercayaan mereka.

Pengkaji telah memilih kajian lepas mengenai alat muzik tradisional silutuong dari suku kaum Bidayuh yang terdapat di daerah Bau, Sarawak. Masyarakat Bidayuh dari daerah lain seperti daerah Selian dan Padawan juga mempunyai alat muzik seperti silutong tetapi mempunyai perbezaan dari segi bilangan tali dan saiz serta cara permainannya. Sungguhpun demikian, terdapat juga alat muzik yang serupa dengan bentuk alat muzik silutong dari suku kaum yang lain iaitu kaum Kenyah dan Orang Ulu tetapi nama alat muzik tersebut mempunyai nama-nama yang berlainan. Suku kaum Kenyah menggelarkan alat muzik tersebut sebagai satang manakala suku kaum Orang Ulu menggelarnya sebagai *Tu n-Ton*. (Matusky, 1998).

Dalam kajian ini, pengkaji akan memberi menumpukan kepada cara pembuatan alat muzik Silutuong. Selain itu pengkaji akan mengkaji tentang cara alat muzik ini dimainkan. Seterusnya nada-nada yang dimainkan akan diubah kepada bentuk sistem notasi barat. Pengkaji juga akan mengkaji tentang fungsi alat muzik ini. Perbezaan di antara cara pembuatan dan pandangan pemuzik Silutuong turut dikaji untuk mengetahui jika terdapat ada perbezaan dan persamaan mengenai alat muzik tradisional silutuong ini. Seterusnya, pengkaji juga ingin menarik minat generasi muda untuk mengenali alat muzik tradisional silutuong ini supaya tidak ditenggelam arus zaman. Hal ini dapat dikaitkan dengan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit

supaya dapat diperkenalkan kepada generasi muda dan juga cara bermain alat muzik tersebut supaya muzik dalam seni budaya wayang kulit tidak ketinggalan.

Selain itu, terdapat kajian lepas mengenai alat muzik tradisional yang lain dengan menfokuskan kepada teknik permainan. Berdasarkan tesis “ Teknik Permainan Serunai Dalam Konteks Pengajaran dan Pembelajaran Muzik Tradisional Wayang Kulit Kelantan “ oleh Kamarudin Yusuff (2008). Ada menyatakan tentang Sukatan Dalam Pelajaran Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah bertujuan untuk memberi perluasan dan pengalaman muzikal dan kesedaran estetik pelajar. Antara tumpuan kurikulum ini adalah muzik tradisional seperti Wayang Kulit dan Mak Yong sebagai pengetahuan dalam muzik rakyat yang perlu dipelajari dan dihayati oleh generasi muda. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran wujud apabila seseorang mengamalkan sesuatu kemahiran bermain alat-alat muzik dalam sesuatu ensemble. Kesannya, mereka akan belajar bentuk irama asas dengan cara melalui permainan alat-alat kategori idiofon dan kemudiannya melanjutkan pengetahuan ke irama yang lebih mendalam dan kompleks serta bertingkah secara berperingkat daripada permainan alat Geduk, Gedombak hingga ke alat-alat Gendang yang lain (Matusky 1993).

Melalui kajian Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Dalam Etnomuzikologi oleh (Mohd Azam Sulong et al., 2013) berkaitan dengan analisis muzik yang menfokuskan kepada penggunaan alat muzik, pola irama yang akan mengiringi lagu tarian dan melodi. Hal ini saling berkaitan dalam penggunaan alat muzik tradisional, tarian dan juga muzik tradisional dalam sesuatu persembahan. Alat muzik yang dipersembahkan dan mengiringi Tarian Dabus dan Bubu ada persamaannya iaitu alat muzik Rebana dan juga Gong. Rebana ini digunakan dalam kumpulan muzik mempunyai rupa dan struktur seakan alat muzik Kompang. Ianya dikategorikan sebagai dalam bentuk istilah '*frame drum*' (Mohd Hassan Abdullah, 2004). Menurut Mohd



Azam Sulong, et al. (2013), Rentak muzik Dabus ini tidak mempunyai pola irama yang berbentuk khas. Rentak asas muzik Dabus ini seakan-akan rentak inang. Anak Dabus kebiasaannya memainkan detik dalam lagu manakala alat muzik Gong pula memberi panduan kepada pemuzik-pemuzik yang lain.

Kajian tentang Pergerakan Patung Dalam Wayang Kulit Kelantan : Perdalangan Yusoff Bin Ahmad oleh (Nurulain, 2016) mengenai Wayang Kulit di Kelantan yang merupakan sebuah seni persembahan teater tradisional yang masih bergiat aktif di kawasan Kampung Laut, Kelantan. Struktur dalam persembahan teater tradisional ini yang menampakkan keunikkan ini menjadikan ianya masih diminati sehingga zaman kini. Persembahan teater tradisional ini juga dikendalikan oleh seorang Dalang dan juga para pemuzik iaitu dalam anggaran seramai tujuh ke lapan orang yang mana masing-masing akan memainkan alat muzik tradisional tersebut seperti Gendang Ibu dan Anak, Gedombak, Kesi, Geduk, Canang, Serunai dan Gong. Dijelaskan lagi dalam buku Teater Tradisional Melayu oleh Mohamed Ghouse Nasruddin (2000) hal ini lebih tertumpu kepada unsur-unsur ritual yang masih terdapat dalam persembahan seni teater tradisional hal ini termasuklah dalam seni Wayang Kulit. Secara keseluruhannya, buku ini telah menyatakan tentang struktur persembahan Wayang Kulit Kelantan yang mempunyai unsur upacara buka panggung.

Menurut pendapat Mohamed Ghouse Nasaruddin (1989), beliau telah mengiktirafkan alat-alat muzik tradisional Melayu kepada empat kumpulan dan kategori asas mengikut sistem pengklafikasi alat muzik *Sach Hornbostel* 1914 iaitu, Aerofon yang menghasilkan bunyi melalui udara yang bergetar sebagai contohnya Seruling, Serunai dan Nafri. Kedua ialah, Membranofon yang menghasilkan satu bunyian melalui membrane ( kulit ) yang bergetar. Contoh : Gendang, Rebana dan Kompang. Ketiga, Idiofon iaitu bunyi yang dihasilkan melalui melalui getaran badan. Contoh : Gong, Kesi dan alat- alat Gamelan. Keempat ialah Kordofon yang menghasilkan bunyi melalui tali yang bergetar. Contoh : Rebab, Gambus dan Kecapi.

## 2.1 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian lepas ini adalah rumusan kajian yang ditulis oleh pengkaji bertujuan untuk menerangkan beberapa maklumat dalam penyelidikan semasa dan terdahulu. Tajuk berkaitan dengan alat muzik tradisional Geduk ini masih lagi tiada kajian yang spesifik, dan dengan itu pengkaji mencari kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk alat muzik tradisional Geduk dalam Wayang Kulit di Kelantan dengan mengambil kajian umum tentang alat muzik dan Wayang Kulit di Kelantan. Di samping itu, kajian lepas ini disusun mengikut topik dan laporan kajian tersebut melalui tema atau kajian individu. Kajian lepas ini juga adalah dokumentasi yang diperlukan dalam tujuan “ *Proposal* “ kajian di dalam bab ini. Oleh itu, perbezaan pandangan daripada para pengkaji terdahulu membolehkan pengkaji memahami topik kajian secara menyeluruh. Pandangan-pandangan ini juga dapat dijadikan sebagai garis panduan supaya pengkaji dapat menfokuskan secara spesifik tentang kajian. Sorotan kajian ini membantu memberi maklumat kepada pengkaji berkaitan dengan alat muzik tradisional Geduk dalam Wayang Kulit di Kelantan melalui pelbagai pandangan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 PENGENALAN

Metodologi merujuk kepada satu bentuk kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan cara yang terbaik bagi menjawab bagi menjawab permasalahan kajian. Bab ini juga meliputi kaedah pengumpulan data, kaedah mendapatkan data dan cara menganalisis data. Selain itu, bab ini menghuraikan tentang kaedah metodologi yang akan digunakan bertujuan untuk menjelaskan cara bagaimana pengkaji mendapatkan data yang sahih dan menganalisis data. Dengan itu, bab ini juga turut membincangkan tentang perkara-perkara yang menghubungkan dengan metodologi kajian antaranya seperti reka bentuk kajian, kaedah kajian, soal selidik dan sebagainya. Bab ini juga akan membincangkan tentang kaedah kajian yang menekankan cara-cara atau kaedah yang boleh digunakan di dalam kajian ini bagi untuk mengumpul data, dan menganalisis data (Haron, 2010). Melalui kaedah kajian yang dilakukan ini juga akan menfokuskan objektif kajian diyakini mampu untuk dicapai dan keputusan di akhir kajian akan dapat disimpulkan dengan baik.

### 3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah satu pelan tindakan yang menunjukkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu akan dijalankan. Hasil kajian ini juga ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian. Reka bentuk kajian ini pula akan ditentukan oleh tinjauan kajian. Dalam kajian ini yang dijalankan oleh pengkaji ini, pengkaji telah memilih pendekatan reka bentuk kajian kualitatif. Pendekatan kualitatif ini digunakan bagi tujuan untuk mendapatkan data secara terperinci dan tepat di antara pemboleh ubah dalam persekitaran kajian dan ianya juga menjawab persoalan yang ingin dikaji oleh pengkaji. Kajian kualitatif menggunakan kaedah untuk mencari dan mengumpul bahan yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji seperti istilah konsep dan juga istilah lain bagi menerangkan sesuatu dengan menggunakan beberapa kaedah. Selain itu, reka bentuk kajian ini juga merupakan satu tatacara untuk perolehan data yang dikumpul berdasarkan perancangan khusus dan secara sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh–pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian ini (Kerlinger, 1970).

Ia juga merujuk kepada satu cara penyelidikan untuk mengendali kajian, dan prosedur atau teknik yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Pengkaji juga telah membentuk satu rangka kerja yang terdiri daripada beberapa kaedah yang dipilih semasa menjalankan kajian. Antara kaedah yang digunakan adalah teknik pengumpulan data sekunder dan juga primer yang terdiri daripada pemerhatian, temubual, perpustakaan. Melalui penggunaan kaedah seperti ini, pengkaji memperoleh data-data dan juga maklumat dengan baik dan membantu dalam menyelesaikan kajian yang boleh dilakukan oleh pengkaji. Data-data yang terkumpul ini akan diterapkan ke dalam kajian mengikut turutan maklumat yang lebih baik, turutan yang betul dan kemas untuk mencapai objektif kajian.

### 3.2 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini merupakan cara untuk pengkaji mendapatkan data dan maklumat dalam menjalankan kajian dan cara yang digunakan untuk mendapatkan data berdasarkan tajuk yang dipilih untuk membuat kajian. Menurut Ahmad Mazhab Ayob (1982:19), kaedah kajian ini ialah soal bagaimana sesuatu objektif atau penyelidikan itu hendak dicapai dengan baik. Metodologi kajian merupakan satu bentuk pengumpulan maklumat serta data terbaharu yang berkaitan serta tinjauan yang dilakukan ini. Kaedah kajian biasanya mengambil kira dari aspek pemilihan kaedah kajian, teori pembelajaran bahasa, prosedur pengumpulan data-data dan juga prosedur analisis data. Dengan itu, kaedah yang digunakan ini diperolehi daripada kaedah-kaedah yang telah dipilih untuk mendapatkan data dan maklumat yang lebih terperinci serta untuk menambah pengetahuan berkaitan dengan tajuk yang dikaji dalam kajian iaitu mengenai alat muzik Geduk dalam Wayang Kulit di Kelantan. Kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini untuk menfokuskan objektif kajian yang telah dipilih iaitu proses pembuatan alat muzik Geduk, Pola Ritma permainan dan juga cara pembelajaran mengenai alat muzik Geduk. Terdapat beberapa kaedah utama yang digunakan bagi mendapatkan maklumat dan data dengan terperinci dan juga sebagai tambahan atau rujukan untuk menghasilkan kajian yang dikaji ini dengan baik seperti menggunakan kaedah data primer dan data sekunder.

### 3.3 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Teknik pengumpulan data ini adalah satu bahagian penting dalam proses penyelidikan di dalam kajian ini. Hal ini kerana setiap tahap ini telah dijalankan selepas cadangan dan idea penyelidikan ini telah diluluskan dan sebelum proses analisis data dijalankan. Pengumpulan data ini juga adalah satu peringkat proses penyelidikan dalam kajian di mana para penyelidik menggunakan beberapa kaedah dan teknik saintifik untuk mengumpul data secara sistematik untuk tujuan analisis. Ianya melibatkan dari dua sumber data utama iaitu sumber data primer dan sumber data sekunder yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Segala data yang berkaitan ini kemudiannya akan dianalisis dan disuarakan dengan sempurna dalam penulisan di bawah bahagian kualitatif. Menurut Sabitha Marican (2005), data ini ialah proses pengiraan ke atas satu bentuk ciri-ciri, kejadian, fakta, atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang dikatakan boleh dikira. Satu set data (data yang telah dikumpulkan) boleh merangkumi kepada ribuan pemerhatian. Secara umumnya, data ini juga boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu data primer (*raw data*) dan data sekunder (*secondary data*).

### 3.4 DATA PRIMER

Data primer ini merupakan sumber data yang diperolehi dengan secara langsung. Data primer ini juga adalah satu proses data yang berasal dari sumber asli atau sumber yang pertama. Ianya data asal yang dikumpul secara khusus untuk menjawab segala persoalan dalam kajian (Sabitha Marican, 2005). Data primer juga adalah satu bentuk data yang dikumpulkan oleh pengkaji untuk menyelidik dan menguji hipotesis dalam sesuatu kajiannya. Selain itu, sumber-sumber maklumat selalunya akan dikumpul

melalui eksperimen atau kajian lapangan. Dan antara teknik pengumpulan data yang akan dijalankan oleh pengkaji ialah dengan kaedah pemerhatian, temubual dan lain-lain.

#### **3.4.1 PEMERHATIAN TURUT SERTA**

Pengkaji akan membuat pemerhatian kaedah pembuatan alat, permainan Wayang Kulit secara langsung (turut serta) dengan tokoh Wayang Kulit di Kelantan Encik Wan Azmi Bin Wan Abdul. Beliau seorang tokoh dalam kesenian Wayang Kulit di negeri Kelantan dan sering melakukan persembahan di kawasan tempat perguruan beliau iaitu di Kampung Kebakat, Wakaf Bharu di Kelantan. Selain itu, pengkaji juga akan membuat pemerhatian yang dilakukan ini untuk mendapatkan maklumat mengenai kaedah proses pembuatan alat muzik Geduk, Pola Ritma permainan Wayang Kulit dan juga belajar secara langsung oleh penggiat seni Wayang Kulit.

#### **3.4.2 KAJIAN TEMUBUAL**

Dalam kajian ini, pengkaji akan membuat beberapa kaedah kajian bagi mendapatkan keputusan yang mampu menjawab kepada objektif yang ditetapkan. Antara kaedah yang dijalankan oleh pengkaji adalah kaedah temubual. Temubual yang akan dilakukan ini oleh Encik Wan Azmi Bin Wan Abdul. Pengkaji akan menemubual tentang kaedah proses pembuatan alat muzik Geduk, Pola Ritma permainan Wayang Kulit dan juga belajar secara langsung melalui oleh penggiat seni Wayang Kulit ini. Hal ini kerana beliau ini penggiat seni yang berpengalaman dan juga banyak melakukan persembahan Wayang Kulit. Beliau ini juga tergolong sebagai pakar dalam persembahan Wayang Kulit dan juga pembuatan alat muzik tradisional khususnya alat muzik tradisional dalam Wayang Kulit Kelantan.



Kaedah temubual ini juga adalah proses komunikasi dua hala antara pengkaji dengan individu (Responden) atau kumpulan untuk ditemubual bagi mendapatkan maklumat tentang kajian yang dijalankan. Tujuan temubual ini dilakukan kerana ingin mendapatkan maklumat yang dikaji dan mendapatkan gambaran yang jelas. Kaedah ini juga untuk mendapatkan maklumat dari sumber primer. Sumber primer ini dikenali sebagai sumber pertama yang dijadikan sumber rujukan kerana pengkaji tidak mempunyai rujukan yang lain. Alat yang digunakan untuk membantu dalam proses temubual ini seperti kamera dan perakam audio. Terdapat dua jenis temubual yang digunakan oleh pengkaji dalam proses penyelidikan.

#### **3.4.2. 1 TEMUBUAL INDIVIDU**

Bagi temubual secara individu, cara ini hanya melibatkan dua pihak iaitu pengkaji dan individu yang hendak ditemubual sahaja ( dua hala ). Proses temubual ini akan dijalankan oleh pengkaji dengan menemubual tokoh dalam Wayang Kulit, petukang yang membuat alat muzik Geduk dan pemain alat muzik Geduk bagi mendapatkan maklumat dan masalah yang berkaitan dengan kajian. Hal ini kerana, menemubual orang yang berpengalaman dalam bidang kajian ini akan memberikan maklumat dan berkongsi pengalamannya dengan pengkaji.

#### **3.4.2 2 TEMUBUAL SECARA BERKUMPULAN**

Bagi temubual secara berkumpulan pula, cara ini melibatkan pengkaji dengan sekumpulan orang untuk ditemubual. Pengkaji akan mensasarkan temubual secara berkumpulan ini kepada pemain-pemain alat muzik Geduk dalam Wayang Kulit untuk menambah maklumat mengenai tajuk yang dikaji oleh pengkaji.

### **3.4.2 3 RAKAMAN**

Pengkaji juga akan menjalankan kaedah rakaman atau dipanggil fotografi untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan terperinci tentang pembuatan alat muzik Geduk, Pola Ritma permainan alat muzik Geduk dan juga proses pembelajaran mengenai alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit. Selain itu, gambar-gambar yang diambil ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk memudahkan pengkaji menjalankan kajian mereka berkenaan dengan tajuk yang dikaji.

### **3.5 DATA SEKUNDER**

Selain daripada kaedah primer yang telah digunakan, pengkaji turut menggunakan data sekunder bagi menambahkan maklumat yang berkaitan dan bersesuaian dengan kajian yang ingin dikaji. Data sekunder ini adalah data yang telah dikumpulkan secara terperinci oleh pengkaji lain (Sabitha Marican, 2005). Selain itu, data sekunder ini pada awalnya dikumpul untuk tujuan yang lain, tetapi lebih sesuai jika digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang dijalankan oleh pengkaji masa kini. Oleh itu, data sekunder ini merupakan data yang diperolehi daripada hasil pengumpulan khusus pengkaji, individu lain atau kajian orang lain. Sebagai contoh jurnal, buku, internet dan sebagainya.

MALAYSIA

KELANTAN

### **3.5.1 KAEDAH PERPUSTAKAAN**

Pengkaji telah menjalankan kaedah pustaka dengan meneliti dan mengkaji tentang alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit di Kelantan. Pengkaji pergi beberapa tempat untuk mencari maklumat dan bahan rujukan seperti perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga perpustakaan negeri Kelantan. Maklumat dan data yang diperolehi dengan menggunakan kajian perpustakaan dan kajian teks telah dikumpul oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan, dikaji dan dianalisis semula. Kajian perpustakaan merujuk kepada buku, tesis, jurnal dan akhbar yang menerangkan tentang alat muzik tradisional Geduk. Perkara pertama yang dilakukan oleh pengkaji bagi memudahkan kajian adalah dengan mengumpulkan sebanyak mungkin buku rujukan, jurnal dan akhbar yang berkaitan dengan alat muzik tradisional Geduk. Pengkaji menjalankan penyelidikan di perpustakaan negeri yang terdekat seperti perpustakaan awam dan perpustakaan Universiti. Tujuan pengkaji ke perpustakaan adalah untuk membantu pengkaji memperolehi bahan dan menambahkan pengetahuan serta memudahkan pengkaji dalam menjalankan kajian dengan lebih mendalam.

### **3.5.2 CATATAN BERTULIS**

Catatan bertulis memerlukan pengkaji mencatat setiap maklumat dan perkara yang disampaikan oleh orang yang di temuramah. Catatan buku ini amat penting kepada pengkaji kerana dapat mencatat maklumat yang disampaikan oleh individu yang ditemu bual dan menjadi rujukan kepada pengkaji semasa proses penulisan dilakukan. Kepentingan catatan ini juga sebagai sumber sekunder yang boleh digunakan oleh pengkaji.

### 3.5.3 INTERNET

Selain kaedah perpustakaan, pengkaji juga turut menggunakan internet sebagai bahan rujukan tambahan untuk membantu dalam penyelidikan. Pelbagai laman web yang boleh dilayari untuk mendapatkan sumber maklumat seperti *Google Scholar*, *Researchgate*, dan lain-lain. Pengkaji boleh mencari maklumat baru berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebagai rujukan dan penambahan maklumat dalam kajian. Dengan kemudahan yang sedia ada seperti internet ini, pengkaji lebih mudah untuk mengakses mana-mana laman sesawang untuk melakukan pencarian dan mengetahui maklumat yang baru. Pengkaji juga boleh menggabungkan sumber-sumber yang diperolehi ini dengan sumber maklumat yang lain bagi memantapkan lagi penjelasan mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu kajian alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit di Kelantan.

### 3.6 ANALISIS KAJIAN

Setelah kesemua data ini diperolehi, data-data dan maklumat tersebut akan dikumpulkan kerana pengkaji akan menjalankan analisis data. Dalam analisis kajian ini, pengkaji akan mengkaji beberapa perkara yang berkenaan dengan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit di Kelantan. Selain itu, kajian ini juga merujuk kepada proses pembuatan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Pola Ritma permainan alat muzik Geduk, dan begitu juga dengan cara pembelajaran latihan dalam permainan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit.

### 3.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan tentang reka bentuk kajian dan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan berkaitan dengan tajuk kajian. Bab ini juga meliputi kaedah pengumpulan data, kaedah mendapatkan data dan cara menganalisis data. Selain itu, pengkaji juga menerangkan tentang metodologi yang digunakan dalam melakukan penyelidikan dan kajian yang bertujuan untuk menjelaskan cara pengkaji mendapatkan data untuk kajian ini. Seterusnya, membincangkan tentang perkara-perkara yang menghubungkan metodologi kajian dengan reka bentuk kajian, kaedah kajian dan sebagainya.

Penggunaan kaedah data primer dan data sekunder ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan bahan yang tepat untuk meneruskan kajian. Oleh itu, kaedah-kaedah tersebut adalah penting untuk digunakan kepada pengkaji untuk membuat rujukan dengan lebih fokus dan terperinci. Dengan adanya kepelbagaian kaedah tersebut, ia langsung akan memudahkan pengkaji untuk mengkaji berkaitan dengan proses pembuatan alat muzik Geduk, Pola Ritma permainan alat muzik Geduk dan juga cara pembelajaran latihan berkenaan dengan alat muzik tradisional Geduk di Kelantan.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 PENGENALAN**

Pengkaji akan mengulas dalam bab ini dengan lebih terperinci dengan menggunakan beberapa kaedah kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Maklumat yang diperolehi ini akan diterangkan dengan lebih terperinci dan jelas dengan menggunakan kaedah kajian lapangan yang telah dijalankan. Hasil dapatan kajian ini haruslah berdasarkan objektif yang telah pengkaji kemukakan sebelum ini. Segala maklumat yang telah dikumpul dan dicatat dari kajian ini ianya perlulah mencapai dan menjawab segala objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji perlulah memastikan objektif dan dapatan kajian saling berkait rapat supaya kajian ini tidak tersasar dari tujuan utama kajian yang ingin dilakukan ini. Dengan itu, proses temubual ini telah dilakukan dengan orang yang berkenaan untuk melengkapkan kajian ini supaya segala persoalan yang dibangkitkan dalam kajian ini terjawab dengan secara terperinci.

Seperti kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji mengenai cara pembuatan alat muzik tradisional Geduk, yang kedua adalah untuk mengenalpasti Pola Ritma permainan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan dan akhir sekali adalah untuk memahami cara pembelajaran dan latihan dalam permainan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Objektif ini perlu dicapai supaya kajian yang dijalankan ini berjaya dan dapat memberi manfaat kepada pengkaji luar, masyarakat dan juga lain-lain. Selain itu, kajian ini juga mempunyai skop dan batasan yang tersendiri supaya pengkaji dapat menfokuskan kepada beberapa objektif sahaja.

Alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan telah lama bersemi dan iramanya yang berkumandang sejak berkurun lamanya. Kesenian dan keunikan yang terdapat pada alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan adalah satu keupayaan intuitif. Kepandaian dan kepakaran yang sedia ada dalam diri mereka dan juga kerajinan tukang-tukang itu sendiri yang menggunakan cara tradisional dalam melahirkan kesenian dalam alat muzik tradisional khususnya alat muzik Geduk yang dimainkan dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Menurut Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (2009), di dalam bukunya *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia*, beliau menyatakan di negara kita ini terdapat pelbagai jenis alat muzik tradisional khususnya alat muzik Geduk yang digunakan dalam ensemble untuk mengiringi teater Wayang Kulit, Silat, Menora, Tarian Istana dan Rakyat serta Nobat Diraja. Alat muzik tradisional Geduk ini mampu mengeluarkan ton suaranya dalam bentuk alunan muzik yang unik dan rancak walaupun terdapat beberapa perbezaan kecil dari segi jenis, ukuran dan bentuk serta hiasannya, namun ia tetap dicipta berdasarkan kepada prinsip-prinsip estetik dan tradisional dengan menggunakan bahan asas khususnya untuk kesesuaian alat muzik Geduk tersebut dalam ensemble muzik Wayang Kulit Kelantan.

Dalam pada itu, alat muzik tradisional Geduk ini telah mendukung peranan yang terbanyak untuk mengekalkan tradisi muzik rakyat dan juga istana di Malaysia. Kepentingan dari dapatan kajian ini akan membantu pengkaji dalam menjawab semua persoalan yang timbul termasuklah berkaitan objektif kajian tentang tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini. Hasil dapatan kajian ini juga telah dikumpul dan di susun atur dengan baik oleh pengkaji termasuklah dengan menyediakan beberapa soalan yang sesuai untuk digunakan dalam proses temubual oleh responden tersebut.

Selain itu, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dengan melawat ke kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat dan gambaran dengan lebih jelas. Hal ini kerana fokus objektif pengkaji untuk mengetahui proses pembuatan alat muzik tradisional Geduk, mengenalpasti Pola Ritma permainan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan dan juga untuk memahami cara pembelajaran dan latihan dalam permainan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Dengan menggunakan beberapa kaedah ini, pengkaji dapat mendapatkan maklumat yang lengkap untuk digunakan dalam bab dapatan kajian ini



#### 4.1 Biodata Responden

Pengkaji telah memilih dan menemubual seorang responden yang berpengalaman dalam bidang seni muzik tradisional khususnya bidang Wayang Kulit di Kelantan. Beliau ini dikenali dengan nama Wan Azmi bin Wan Abdul Rahman (2021) atau nama panggilannya Abe mi yang kini berusia 37 tahun. Beliau melanjutkan pelajaran Diploma di Politeknik, Kota Bharu dan menyambung pelajaran beliau dalam bidang Sarjana Muda Muzik Persembahan di ASWARA, Kuala Lumpur. Bidang pengkhususan beliau dalam Muzik Persembahan adalah alat muzik Rebab. Beliau mempunyai pengalaman selama 9 tahun dalam mengajar tentang alat muzik tradisional, teater tradisional Wayang Kulit dan Mak Yong di Uitm Shah Alam Fakulti Filem, Teater dan Animasi. Selepas tu, beliau mendapat tawaran untuk mengajar subjek kokurikulum Wayang Kulit di UMK Kampus Pengkalan Chepa dalam 3 tahun dan UMK kampus Bachok dalam 1 tahun. Seterusnya bermula pada tahun 2003 dan 2004 beliau mula mendalami ilmu seni Teater Tradisional Melayu, Kelantan di Kampung Kebakat Tumpat dan Wakaf Bharu, Kelantan. Belajar dengan kumpulan lain seperti kumpulan percampuran Pasir Mas, Napi Komando Machang dan lain-lain. Hasil dari pengalaman menyertai kumpulan seni di sekitar daerah Kelantan, beliau menubuhkan satu kumpulan yang baru iaitu Sri Wayang 2 selama 5 tahun dan selepas pada itu beliau memutuskan untuk meninggalkan kumpulan tersebut (2008) kerana hasrat hati beliau yang ingin bergerak secara bebas dalam dunia seni Teater Tradisional Melayu. Majoriti beliau ini telah menyertai hampir 10 kumpulan seni di Kelantan, hal ini dikatakan beliau untuk menimba ilmu dan dapat digunakan oleh beliau untuk mengajar generasi muda masa kini.

## **4.2 Proses Pembuatan Alat Muzik Tradisional Geduk di Kelantan**

Pengalaman dalam pembuatan alat muzik tradisional seperti Geduk ini beliau belajar tentang proses pembuatannya tapi bukan secara formal. Selain dari alat muzik Geduk ini secara formalnya beliau mendapat pengalaman dalam pembuatan alat muzik tradisional seperti Gong, Canang, Rebab dan Serunai. Maksud beliau secara tidak formal itu adalah proses pembelajaran tentang alat muzik tradisional ini tidak terlalu fokus dalam jangka masa tertentu ataupun secara bebas, menimba ilmu dengan ramai guru yang pakar dalam pembuatan alat muzik tradisional khususnya dalam Wayang kulit, Kelantan.

### **4.2.1 Proses Pemilihan Bahan dan Saiz Geduk.**

Sepasang Geduk juga digunakan dalam Wayang Siam iaitu Geduk Ibu dan Geduk Anak. Geduk ibu mempunyai saiz hampir 40 sentimeter panjangnya. Ukur lilit pada bahagian tengahnya lebih kurang 95 sentimeter. Manakala garis pusat pada bahagian mukanya pula ialah 30 sentimeter. Geduk Anak biasanya lebih kecil daripada Geduk Ibu secara purata pada semua bahagian sebanyak 3 sentimeter. Geduk dapat dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu bahagian Permukaan, Baluh dan Kaki. Pemilihan kayu sangat penting untuk pembuatan alat muzik tradisional. Pemilihan dari segi bahan ini perlu tepat dan juga bersesuaian mengikut alat muzik Geduk tersebut. Kesalahan dari pemilihan bahan yang tidak betul juga akan menyebabkan alat muzik itu mengalami kecacatan dari segi rupa, bunyi dan lain-lain.



Rajah 4. 1 Kayu Nangka

Sumber <https://www.google.com/search>.



Rajah 4.2 Kayu Nangka

Sumber <https://www.google.com/search>.



Rajah 4.3 Gambar Buluh

Sumber <https://www.google.com/search>.

Kayu Nangka itu perlu tua, kita perlukan bahagian teras iaitu bahagian yang paling baik. Bahagian kayu yang tidak elok itu biasanya tidak berkualiti dan tidak tahan lama. Selain kayu Nangka, boleh juga menggunakan jenis kayu lain seperti kayu Merbau, Macang, Medang dan kayu Mangga. Selepas itu, pemilihan kulit lembu dan juga buluh, kegunaan nya untuk pating, proses pating ini untuk kulit lembu supaya kulit itu tidak bergerak. Dengan pemilihan bahan seperti ini, proses dalam membuat alat muzik Geduk akan lebih mudah dari segi ketepatan bahan untuk membuat alat muzik Geduk tersebut.

#### 4.2.2 Proses Pembuatan Geduk Bahagian Permukaan Kulit (Atas/ Bawah)

Ia juga mesti dilengkapi dengan alat pemukul yang diperbuat daripada kayu, seperti Gedombak. Geduk juga mempunyai permukaan yang diliputi kulit binatang tetapi Geduk mempunyai kedua-dua permukaan di bahagian depan dan belakang. Permukaan Geduk biasanya dibuat daripada kulit lembu atau kambing. Tapi lebih baik menggunakan kulit lembu, kulit lembu yang paling baik adalah kulit lembu jantan, untuk Geduk Ibu, manakala untuk Geduk Anak memerlukan kulit lembu betina, pemilihan kulit lembu apa-apa pun tiada masalah kerana kalau kulit terlampau tebal boleh diketamkan sehingga kulit itu nipis. Untuk proses membuatnya kulit ini terlebih dahulu dipotong dan direndam selama beberapa malam sehingga ia menjadi lembut, Bagi mematkan sel-sel kulit tersebut, maka umbi pisang dimasukkan ke dalam air rendaman tersebut. Setelah baunya dihilangkan dengan menggosok daun serai dan lengkuas maka ia pun dijemur hingga kering airnya dan dikira telah sedia untuk pemasangan.



Rajah 4.4 Kulit Kambing



Rajah 4.5 Kulit Lembu

Sumber <https://www.google.com/search>.

Sumber <https://www.google.com/search>.



Rajah 4.6 ini menunjukkan contoh permukaan kulit Geduk

Sumber <https://www.google.com/search>.

Rajah 4.6 ini menunjukkan proses yang sudah siap dipasangkan sebelah dari kedua permukaan tersebut dan akan ditegangkan manakala permukaan yang satu lagi dibiarkan dalam keadaan biasa iaitu tidak diregangkan. hanya apabila hendak digunakan barulah permukaan tersebut diregangkan. Proses ini dilakukan secara satu persatu, maksudnya permukaan Geduk ini apabila salah satunya dah kendur, pemain boleh menggunakan permukaan yang satu lagi iaitu permukaan bawah, dan kaki buluh juga perlu ditukarkan posisi. Permukaan kulit Geduk ini masih boleh dimainkan oleh pemuzik selagi ianya kendur kerana alat muzik Geduk ini mempunyai dua permukaan kulit tetapi jika permukaan kulitnya koyak, ianya perlu diganti kerana hasil ton dan bunyi tidak akan sempurna jika salah satu permukaan kulit terkoyak.

#### 4.2.3 Proses Pembuatan Geduk Bahagian Baluh (Bahagian Badan)

Bahagian baluh pula diperbuat daripada kayu nangka yang tidak bermata iaitu kayu pokok yang tidak mempunyai dahan. Ini adalah kerana jika bermata ia menjadi sukar dilicinkan malahan Geduk akan mudah pecah dan rosak. Kayu nangka yang telah dipilih, dipotong mengikut ukuran yang tertentu dan kemudiannya dipahat menjadi bentuk bulat pada kedua-dua permukaannya. bahagian tengahnya lebih besar sedikit dari permukaannya. Setelah bentuk luaran Geduk diperolehi barulah bahagian dalamnya pula ditebuk dengan menggunakan pahat sehingga badan Geduk menjadi nipis iaitu kira-kira 2-5 sentimeter sahaja.



Rajah 4.7 Proses membuat Baluh Geduk

Sumber <https://www.google.com/search>.

Seperti rajah 4.7 apabila kedua-dua bahagian kullt dan badan dipasangkan, maka satu teknik untuk menyaringkan bunyi Geduk pun dibuat iaitu dengan memasukkan buluh-buluh runcing ke dalam badan Geduk. Buluh-buluh int terlebih dahulu diraut dan diruncingkan menjadi besar di bahagian pangkal dan menirus di bahagian hujungnya. Dengan menggunakan alat penebuk lubang iaitu germit maka lubang-lubang yang kecil dibuat di sekeliling badan Geduk dalam jarak 2-5 sentimeter setiap satu. Bahagian ini dinamakan 'penyelak'. ia dibuat daripada kedua-dua permukaan Geduk iaitu dalam jarak 5 sentimeter darinya. Menerusi lubang-lubang yang ditebuk itu. Buluh-buluh runcing

dimasukkan ke dalam Geduk dan membentuk sebuah bulatan di dalamnya. setelah selesai pemasangannya. Geduk dikira siap untuk digunakan. Apabila alat muzik Geduk dipukul, hujung-hujung buluh yang runcing akan bergetar dan menambahkan kenyaringan dan kesedapan bunyi Geduk tersebut.

#### 4.2.4 Proses Pembuatan Geduk Bahagian Kaki



Rajah 4.8 Contoh Kaki Buluh pada alat muzik Geduk

Sumber <https://www.google.com/search>.

Rajah 4.8 menunjukkan contoh kaki alat muzik Geduk yang sudah siap dengan menggunakan bahan Buluh. Untuk bahagian kaki pula, dua bilah buluh akan disisipkan pada siratan rotan pada badan Geduk supaya kedudukan geduk menjadi condong ke arah pemain. Panjang kaki ini ialah kira-kira 25 sentimeter dan tebalnya pula talah 2-5 sentimeter. Alat pengetuknya pula dibuat daripada kayu yang panjangnya 24 sentimeter dan ukur lilitnya 3.7 sentimeter. Geduk seperti alat-alat muzik Melayu tradisional lainnya mempunyai nada yang tidak tetap. Oleh itu sukar hendak menentukan not-not pada bahagian tertentu. Ia mempunyai nada yang agak mendatar iaitu nyaring dan bergaung walaupun diketuk pada mana-mana bahagian mukanya. Dengan kedudukan Geduk yang condong ketika dimainkan bunyi yang dihasilkan menjadi lebih mersik.

#### 4.2.5 Proses Akhir Dalam Pembuatan Geduk (*Finishing*)

Proses akhir yang perlu dilakukan adalah dengan melakukan proses (*Finishing*) iaitu memperkemas setiap bahagian pada alat muzik Geduk tersebut. Selepas siap dalam pembuatan alat muzik Geduk tersebut, bahagian permukaan kulit itu masih lagi terdapat lebihannya dan itu akan menampakkan tiada kekemasan terhadap alat muzik Geduk. Bahagian lebihan itu perlu dipotong dengan kemas dan proses ini perlu dilakukan secara satu persatu permukaan kulit (atas/bawah).



Rajah 4.9 Alat muzik Geduk yang siap disyelek

Sumber <https://www.google.com/search>.



Rajah 4.10 Contoh syelek yang boleh digunakan untuk proses *Finishing*

Sumber <https://www.google.com/search>.

Selesai dalam memperkemas bahagian lebihan permukaan kulit itu, petukang menggunakan syelek pada bahagian Baluh alat muzik Geduk tersebut sebagai hiasan dan menjelaskan nilai estetik terhadap alat muzik tersebut disamping menjaga ketahanan dari segi warna syelek pada bahagian baluh, ini dapat dilihat di rajah 4.9 dan rajah 4.10. Menurut Encik Wan Azmi (2021) proses yang dilakukan untuk pembuatan alat muzik Geduk ini tidak susah tetapi ianya merumitkan dan memakan masa bergantung kepada individu paling cepat ianya mengambil masa dalam dua atau tiga minggu.



#### **4.3 Mengenalpasti Pola Ritma alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit.**

Menurut Encik Wan Azmi (2021), dalam permainan alat muzik ini tiada teknik hanya ada jenis irama yang pemain lakukan dalam permainan alat muzik tersebut. Bahasa mudahnya dalam permainan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit ini dengan bermain dalam *Single Tempo*, *Double Tempo* dan akhir sekali *Triplet*. Pemain perlu mengetahui beberapa jenis paluan dalam permainan alat muzik Geduk dan teknik yang digunakan ini hanyalah kemahiran tangan untuk paluan mengikut jenis irama dan lagu persembahan terhadap alat muzik Geduk tersebut. Teknik dalam memegang pemukul itu perlu betul supaya apabila pemain memalu pemukul ke permukaan kulit Geduk.

Hal ini kerana teknik memegang pemukul ini adalah asas kepada pemain alat muzik Geduk sebelum memulakan latihan persembahan. Dengan menggunakan teknik yang betul, pemain tidak akan merosakkan bahagian permukaan kulit alat muzik Geduk tersebut dan bunyi dan irama yang dihasilkan oleh pemain juga akan sempurna jika di seimbangkan dengan teknik asas yang betul. Hal ini perlu dititik beratkan oleh pemain alat muzik Geduk tersebut kerana asas dalam latihan permainan alat muzik Geduk ini perlu dibiasakan oleh pemain untuk mengelakkan sebarang permasalahan yang berlaku dalam sesebuah persembahan Wayang Kulit.



Rajah 4.11 Cara memegang dengan 2 jari

Sumber <https://www.google.com/search>.



Rajah 4.12 Cara memegang dengan mengenggam kayu

Sumber <https://www.google.com/search>.


Cara memegang pemukul juga penting seperti yang dapat kita lihat pada rajah 4.11 tersebut adalah dengan memegang pemukul tersebut dengan menggunakan dua jari sahaja, hanya pergelangan tangan sahaja yang bergerak untuk memalu ke permukaan kulit ketika bermain alat muzik Geduk. Teknik memegang ini sama dengan memegang pemukul drum. Hal ini ingin menampakkan teknik permainan yang betul dan boleh digunakan dalam latihan permainan alat muzik Geduk tersebut. Dengan menggunakan teknik yang betul, pemain dapat mengelakkan dari berlakunya permasalahan seperti kerosakan pada permukaan kulit Geduk dan sebagainya. Jika dilihat pada rajah 4.12, ianya menunjukkan cara memegang dengan mengenggam kedua-dua tangan terhadap pemukul tersebut. Menurut Encik Wan Azmi (2021) teknik ini salah untuk digunakan dalam permainan alat muzik Geduk. Hal ini demikian kerana teknik dalam memalu permukaan kulit Geduk ini hanya memerlukan pergerakan pergelangan tangan sahaja, jika pemain mengenggam tangan seperti dilihat pada rajah 4.12 tersebut, ianya akan menggerakkan seluruh bahagian tangan dan itu akan menyukarkan pemain tersebut untuk bermain dan mendapatkan tempo dan rentak irama lagu dengan cara yang salah. Oleh itu, pentingnya pemain alat muzik Geduk ini mengetahui teknik asas iaitu cara memegang pemukul tersebut sebelum memulakan latihan yang lebih mendalam.

Dengan menggunakan teknik yang betul, ianya akan memudahkan pemain untuk bermain alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit.

Selepas itu, kena memahami tempo dan irama dalam lagu persembahan Wayang Kulit *Single Tempo, Double Tempo dan Triplet*. Hal ini memerlukan latihan yang kerap oleh pemain kerana ianya bergantung kepada kefahaman pemain itu sendiri dalam proses memahami tempo dan irama muzik dalam persembahan Wayang Kulit. Kebiasaanya bagi yang baru mendalami proses latihan awal ini mereka akan fokus kepada beberapa jenis irama muzik sahaja sebagai asas untuk latihan bermain alat muzik Geduk. Untuk mereka yang berpengalaman ini, mereka bermain jenis tempo dan irama yang lebih mendalam seperti contoh lagu Perang dalam persembahan Wayang Kulit, mempunyai enam jenis tempo dan iramanya dan semasa persembahan, alat muzik Geduk ini akan berpandukan pemain yang bermain Serunai sebagai tunjang dalam memberi isyarat dalam sesebuah lagu dalam persembahan Wayang kulit, Kelantan.


Kefahaman pemain muzik tradisional Geduk ini dalam mengetahui jenis irama dan tempo untuk melakukan persembahan Wayang Kulit sangat penting kerana pemain muzik ini perlu biasakan diri untuk menghafak dan memahami jenis tempo dan irama dalam lagu, hal ini kerana corak permainan pemain muzik tersebut adalah bebas sebagai contoh lagu Bertabuh menggunakan jenis irama dan tempo satu dan boleh mengubahnya kepada jenis irama dan tempo ketiga asalkan pemain tersebut memahami dan menyesuaikan urutan kehendak muzik jenis tempo dan irama tersebut dengan lagu yang dimainkan. Pemain alat muzik dalam Wayang kulit ini akan diberikan latihan dengan bermain beberapa lagu yang digunakan dalam persembahan Wayang Kulit sebagai latihan mereka untuk memahami jenis tempo, irama dan rentak dalam sesebuah lagu tersebut. Kefahaman ini sangat penting untuk mereka yang bermain alat muzik ini

menguasai beberapa jenis rentak, irama dan tempo supaya mereka akan lebih selesa dan terbiasa untuk bermain semasa melakukan persembahan Wayang kulit itu nanti.




Gambar Rajah 4.13 Lagu Bertabuh

Sumber Buku muzik Wayang Kulit Kelantan




Gambar Rajah 4.14 Lagu Hulubalang

Sumber Buku muzik Wayang Kulit Kelantan



Gambar Rajah 4.15 Lagu Perang

Sumber Buku muzik Wayang Kulit Kelantan



Gambar Rajah 4.16 Lagu Pak Dogo

Sumber Buku muzik Wayang Kulit Kelantan

Gambar-gambar diatas ini adalah lagu yang biasa digunakan untuk latihan kepada pemain muzik yang baru belajar asas disamping menguasai teknik dalam permainan alat muzik Geduk termasuklah pelajar-pelajar yang bermain dalam seni Teater Tradisional Melayu seperti Wayang Kulit, Kelantan. Lagu-lagu ini terdiri daripada lagu Bertabuh,

Pak Dogo, Hulubalang dan Perang. Kebiasaanya lagu ini sahaja sudah mempunyai jenis rentak, tempo dan irama yang merangkumi *Single Tempo*, *Double Tempo* dan *Triplet*. Pemain alat muzik khususnya alat muzik Geduk ini perlu memahami urutan lagu tersebut dari segi jenis tempo, irama dan rentak dan latihan ini perlu dilakukan secara berulang kali supaya pemain muzik dapat menguasai dan memahami teknik yang diajar dan memahami jenis tempo, irama dan rentak setiap lagu tersebut dalam persembahan Wayang Kulit.

Dari segi pemerhatian pengkaji, pengkaji dapat menafsirkan bahawa teknik yang digunakan dalam permainan alat muzik tradisional Geduk mempunyai perbezaan dengan alat muzik moden *Drum* walaupun tergolong dalam kategori membranofon yang sama. Hal ini disebabkan kerana alat muzik Geduk ini fokusnya kepada lagu tradisional khususnya dalam persembahan Wayang Kulit, Menora dan lain-lain. Ini dibuktikan dengan lagu tradisional yang dimainkan dengan alat muzik Geduk tidak dapat dipelbagaikan dan juga divariasikan. Oleh itu, pengkaji dapat jelaskan bahawa dengan kekurangan yang disimpulkan dalam penerangan ini adalah teknik yang boleh diigunakan untuk permainan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit tidak banyak dan terbatas. Jika melakukan sedemikian, ianya akan menyebabkan ketidakseimbangan dengan persembahan lagu yang dimainkan dalam persembahan Wayang Kulit.

Dibandingkan dengan alat muzik moden *Drum*, ianya boleh digunakan dengan pelbagai variasi teknik, hal ini sedemikian kerana muzik moden dan muzik barat yang dapat digunakan dalam permainan alat muzik *Drum* yang mempunyai pelbagai *genre* lagu dan jenis teknik juga dapat diolah oleh pemuzik tersebut. Antara *genre* lagu tersebut seperti *Jazz*, *Balada*, *Metal* dan lain - lain.

Oleh itu, dapat disimpulkan disini bahawa walaupun alat muzik *Drum* dan *Geduk* ini mempunyai corak permainan yang berulang, tetapi alat muzik *Drum* dapat divariasikan dengan pelbagai jenis teknik dalam permainan sesebuah lagu, ianya dapat menghasilkan satu susunan lagu dengan lebih moden dan teknik yang banyak diolah oleh pemuzik itu sendiri. Dibandingkan dengan alat muzik *Geduk* yang memainkan lagu tradisional dalam persembahan *Wayang Kulit* dimana teknik terhadap alat muzik *Geduk* tidak banyak dan terhad.

#### 4.4 Proses Latihan dan Pembelajaran Permainan Alat Muzik Geduk Dalam Persembahan Wayang Kulit.

Menurut Encik Wan Azmi (2021), proses latihan dan pembelajaran ini dapat dilakukan oleh pemain muzik secara bersungguh-sungguh dan bekerja keras. Maksud yang ingin disampaikan ini adalah dengan proses melihat, meniru dan melakukan apa yang dilihat oleh pemain muzik yang lain ataupun pengajar tersebut. Proses pembelajaran ini secara asasnya tertumpu kepada pemahaman pemain muzik dalam menguasai teknik, rentak, irama dan tempo untuk memainkan sesuatu alat muzik khususnya alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit, Kelantan. Bagi mereka yang baru memulakan latihan dalam bermain alat muzik untuk persembahan Wayang Kulit ini juga boleh mendapatkan rujukan sebagai penambahan untuk mereka memahami dengan lebih mendalam sebelum menjadi pemain muzik. Selain mendapatkan ilmu dan ajaran melalui pengajar, pemain muzik juga perlu mengenalpasti notasi dalam muzik dan caranya adalah dengan mengambil apa-apa rujukan sebagai contoh buku berkaitan *Alat Muzik Wayang Kulit Kelantan* oleh Patricia Matusky dan Hamzah Awang Amat (1998) yang menyatakan tentang notasi muzik Wayang Kulit Kelantan digunakan di dalam buku tersebut diberikan dalam dua bentuk yang berlainan. Bentuk notasi yang pertama berasaskan suku kata atau silibal nimonik yang digunakan oleh pemain-pemain muzik tradisional. Suku kata nimonik ini biasanya digunakan untuk mengingatkan bunyi-bunyi tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, bagi notasi dalam buku ini huruf suku kata tertentu digunakan berserta dengan tanda - tanda irama untuk menotasikan bahagian rentak dalam lagu dengan lengkap. Jenis notasi muzik yang kedua adalah notasi yang standard (notasi Baluk) yang digunakan untuk menulis bahagian Gendang, Gong dan melodi Serunai juga. Semua rentak dan frasa melodi yang asas sahaja dinotasikan

dengan kedua-dua jenis notasi ini dan kadangkala rentak ganti atau rentak berbunga digunakan.

Tanda Nimonik	Ertinya
C	timbre 'cak' gedumbak
D	timbre 'dong' gedumbak
D	timbre 'duh' gedumbak
T	timbre 'ting' gedumbak
c	timbre 'cak' gendang anak/ibu
p	timbre 'pak' gendang ibu
t	timbre 'ting' gendang anak

21

d	timbre 'duh' gendang ibu
↓ atau ↓	satu pukulan geduk anak/ibu (nilai krocot (↓) atau nilai kuaver (→↓))
s	satu pukulan tetawak anak/pic tinggi
G	satu pukulan tetawak ibu/pic rendah
d	satu pukulan canang anak/pic tinggi
D	satu pukulan canang ibu/pic rendah
o	satu pukulan kesi, timbre 'cing' (berdering)
x	satu pukulan kesi, timbre 'cap' (meredam)
<b>Tanda Irama</b>	
	bit rehat (diam)
· c	rehat setengah bit, dan timbre 'cak' setengah bit (· ↓)
· c	rehat tiga perempat bit, dan timbre 'cak' seperempat bit (· ↓ ↓)
c (tanpa tanda tambahan)	satu pukulan pada nilai not satu bit (nilai not krocot ↓)

Gambar Rajah 4.17 Contoh Tanda Nimonik

Sumber Buku muzik Wayang Kulit Kelantan

**Lagu BERTABUH (panjang)**

Lagu 1 (4 bar)

Catatan: seperti dalam BERTABUH (biasa) Nakh Nambung, dan Kaden (biasa).

Lagu 2 (ulangi beberapa kali)

Kaden A (8 bar)

Aliran geduk

**Lagu HULUBALANG (Dawa Pasak Berjalan)**

Kaden akhir



Gambar rajah 4.17 yang ditunjukkan diatas ini adalah notasi lagu yang digunakan dalam persembahan Wayang Kulit, Kelantan. Penggunaan notasi ini perlu dipelajari dan dibimbing oleh pengajar yang pakar dan berpengalaman supaya pemain muzik tersebut dapat mempelajarinya dengan baik dan latihan yang dilakukan ini juga hendaklah secara praktikal. Hal ini kerana latihan ini memerlukan tunjuk ajar dari pengajar secara fokus dan mendalam supaya dapat mengelakkan dari berlakunya permasalahan dari segi pemahaman pemain muzik. Latihan dalam permainan alat muzik Geduk ini perlu dilakukan dengan kerap melalui proses pembelajaran yang bersungguh-sungguh. Proses latihan ini sangat penting kerana ianya bergantung kepada pemain muzik itu sendiri untuk mengambil tempoh masa untuk menguasai teknik dan pemahaman dalam permainan alat muzik Geduk tersebut. Pelbagai jenis latihan dapat dilakukan oleh pemain muzik tersebut sebagai contoh selalu berlatih dalam kumpulan, hal ini mudah kerana ada pengajar yang memantau dan melihat peningkatan dalam proses pembelajaran pemain muzik tersebut.

Selain itu, dengan melakukan pemerhatian terhadap pemain-pemain muzik yang lebih mahir, pemain yang baru berlatih itu boleh mendapatkan tunjuk ajar dari orang yang berpengalaman semasa dalam proses latihan secara berkumpulan. Dengan ini akan memudahkan dan mempercepatkan proses pembelajaran dalam permainan alat muzik Geduk untuk persembahan Wayang Kulit terhadap pemain yang baru menyertai ini. Tempoh masa yang diperlukan untuk mahir dari segi kemahiran dan pemahaman berkaitan alat muzik Geduk ini paling cepat dalam masa satu atau dua bulan. Oleh itu, proses latihan secara kerap ini boleh membantu dalam sesi pembelajaran pemain untuk memperbaiki dan meningkatkan kemahiran dan pemahaman mereka dalam bermain alat muzik Geduk untuk persembahan Wayang Kulit, Kelantan.

#### 4.5 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengkaji dapat merumuskan tentang beberapa objektif kajian hasil daripada dapatan kajian yang dilakukan ini. Untuk objektif yang pertama, pengkaji dapat mendalami ilmu tentang proses-proses pembuatan alat muzik Geduk dengan mengenalpasti bahan-bahan yang perlu disediakan dan ukuran yang sesuai sebelum menghasilkan alat muzik tradisional Geduk yang baik dan sesuai untuk dimainkan dalam persembahan Wayang Kulit, Kelantan. Seterusnya adalah pengkaji dapat mengenalpasti berkaitan dengan Polat Ritma dalam permainan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit seperti yang kita tahu, teknik memegang pemukul sebelum memulakan latihan dalam bermain alat muzik Geduk. Dengan menggunakan cara yang betul, akan memudahkan lagi pemain muzik untuk memahami dan melakukan pelbagai jenis rentak, tempo dan irama yang dimainkan dalam persembahan Wayang Kulit, Kelantan. Dan yang terakhir adalah pengkaji dapat memahami tentang proses latihan dan pembelajaran dalam permainan alat muzik Geduk untuk persembahan Wayang Kulit, Kelantan. Hal ini dikatakan kerana melalui proses latihan dan pembelajaran ini, ianya akan membantu mereka dengan memahami dan menghafal jenis rentak, tempo dan irama dalam waktu masa yang baik dan teratur disamping ditemani oleh pengajar yang pakar dalam bidang seni teater tradisional Melayu ini. Kelebihan ini akan membantu pemain supaya lebih fokus dan memahami tentang permainan alat muzik Geduk itu dalam persembahan Wayang Kulit, Kelantan.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menyatakan tentang perbincangan terhadap kajian yang telah dilakukan. Pengkaji akan memberi cadangan–cadangan untuk kebaikan pada tempat kajian yang dilakukan yang mana cara–cara ini akan dapat menambahbaik tentang kajian tersebut. Akhir sekali, pengkaji juga akan membuat kesimpulan terhadap semua kajian yang telah dilakukan bermula bab satu hingga bab penutup. Kesemua hasil kajian dan penyelidikan ini telah diperoleh semasa proses kajian akan disimpulkan dalam bab ini. Kesimpulannya, kajian ini sangat penting kerana kesemua maklumat yang ada perlu dirumus dengan sebaik mungkin supaya pembaca tidak keliru dengan maklumat yang ada dalam laporan kajian yang telah ditulis oleh pengkaji dahulu. Dalam bab ini juga, pengkaji akan membincangkan dan menerangkan secara keseluruhan mengenai kajian yang dijalankan.

Selain itu, bab ini juga akan membincangkan cara untuk mempromosikan dan memperkenalkan alat muzik tradisional iaitu Geduk dalam permainan Wayang Kulit Kelantan yang semakin hari semakin pupus supaya dikenali oleh masyarakat luar dan dalam negara. Hal ini kerana alat muzik tradisional Geduk ini merupakan salah satu instrumen muzik yang penting dan juga pelengkap dalam ensembel muzik Wayang Kulit Kelantan. Ensembel muzik ini perlu di variasikan dengan pelbagai instrumen muzik untuk mendapatkan satu melodi yang sesuai dan harmoni khususnya dalam persembahan Wayang Kulit. Dengan itu, alat muzik tradisional ini disasarkan kepada

pelancong luar negara dan golongan belia supaya warisan tidak ketara ini terpelihara dan dijaga untuk memartabatkan warisan negara kita.

## 5.1 RUMUSAN

Berdasarkan kepada kajian lapangan pengkaji, dapatlah pengkaji merumuskan tentang proses pembuatan alat muzik tradisional Geduk yang terdapat di Kelantan. Dalam pada itu, pengkaji juga berpeluang untuk mendalami ilmu tentang mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat satu alat muzik Geduk dengan mengambil rujukan daripada hasil temu bual bersama dengan responden secara teliti. Melalui proses pencarian bahan sehingga proses pembuatan dari Permukaan Kulit, pembuatan bahagian Baluh, pembuatan bahagian Kaki dan cara *Finishing* alat muzik Geduk tersebut. Proses pembuatan alat muzik Geduk ini agak sukar dan ianya juga memerlukan kepakaran dalam menghasilkan alat muzik Geduk tersebut. Kemahiran dalam proses pembuatan Geduk ini amat diperlukan dan bagi yang kurang berpengalaman ini dinasihati supaya proses pembuatan Geduk ini perlu mendapatkan bimbingan dari pakar dan juga petunggang yang berpengalaman. Pendedahan yang diberikan oleh responden ini sangat membantu pengkaji dalam mengetahui tentang proses pembuatan alat muzik Geduk.

Seterusnya, dari segi mengenalpasti Pola Ritma dalam menguasai permainan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Pengkaji juga dapat melihat dengan jelas berkaitan teknik yang perlu digunakan apabila memegang pemukul sebagai alat untuk memalu permukaan kulit Geduk dan proses permainan dengan diringi beberapa lagu dalam persembahan Wayang Kulit. Pengkaji juga didedahkan dengan proses latihan dan pembelajaran alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit iaitu dengan memahami asas dan melakukan latihan secara berkumpulan dengan kerap

disamping melakukan pemerhatian dan tunjuk ajar dari pengajar dan juga orang yang berpengalaman dalam bidang alat muzik Geduk tersebut. Proses dalam mempelajari Pola Ritma dalam permainan alat muzik Geduk ini perlu mendapat bimbingan oleh pemuzik yang berpengalaman dan tempoh untuk belajar juga mengambil masa bergantung kepada individu tersebut dalam memahami segala aspek dalam muzik tradisional Wayang Kulit. Hal ini kerana, permainan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit ini memerlukan fahaman dari segi notasi, teknik dan juga latihan yang intensif bagi mendapatkan hasil bunyi-bunyian yang bagus untuk persembahan dalam Wayang Kulit. Keseragaman dalam permainan muzik Geduk ini dapat diasah melalui teknik dan fahaman Pola Ritma dalam muzik tradisional Wayang Kulit. Dalam pada itu, pengkaji turut menyatakan beberapa cadangan bagi memperkenalkan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit kepada generasi hari ini dan akan datang. Oleh itu, cadangan yang dikemukakan ini amatlah penting kerana alat muzik Geduk ini mempunyai identiti yang tersendiri dan sebagai pelengkap dalam ensembel muzik tradisional Wayang Kulit, Kelantan.

## 5.2 CADANGAN

Berdasarkan dari hasil kajian yang telah diperolehi, pengkaji telah mengenalpasti beberapa cadangan yang boleh diutarakan untuk memastikan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan wayang kulit Kelantan ini terpelihara dan dikekalkan sebagai khazanah warisan budaya kita.

### 5.2.1 INDIVIDU

Antara cadangan yang boleh diketengahkan oleh pengkaji ialah menyarankan supaya mendokumentasikan alat muzik tradisional khususnya alat muzik Geduk dalam persembahan wayang kulit Kelantan supaya generasi akan datang dapat mengenali secara asas tentang alat muzik tradisional dalam budaya melayu. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan dengan memberi pendedahan tentang alat muzik tradisional Geduk ini di peringkat institusi pendidikan terutamanya pada peringkat awal iaitu peringkat sekolah. Dengan adanya pendedahan dari peringkat awal ini akan memberikan kebaikan kepada generasi muda dalam mempelajari dan mengenali secara asas tentang alat muzik tradisional dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan di sekolah dengan mempelajarinya secara pratikal dan juga teori dalam mata pelajaran muzik tradisional.

Hal ini perlu dijadikan bidang alat muzik ini sebagai subjek praktikal kepada golongan muda secara awalan di peringkat sekolah. Dengan adanya subjek pembelajaran alat muzik tradisional ini di sekolah, golongan muda mampu dibentuk dan diasah bakat mereka dengan bermain alat muzik tradisional disamping menarik minat mereka dalam meneruskan bidang alat muzik tradisional mereka di peringkat sekolah lagi. Selain itu juga, pengkaji mencadangkan agar bahan rujukan tentang alat muzik tradisional ini diperbanyakkan lagi sebagai bahan rujukan bagi pengkaji dan juga penggiat seni khususnya kepada pelajar yang sedang berusaha dalam menghasilkan satu kajian yang berkaitan dengan alat muzik tradisional dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Dengan adanya bahan rujukan seperti buku, artikel dan lain-lain ini akan memudahkan pelajar dan penyelidik dalam membuat satu rujukan yang lebih mendalam. Hal ini demikian kerana, bahan rujukan mengenai alat muzik tradisional Geduk dalam

persembahan Wayang Kulit Kelantan ini sangat sukar diperolehi. Justeru, bahan rujukan ini haruslah diperbanyakkan lagi di perpustakaan awam, perpustakaan Universiti dan lain-lain bagi memudahkan dalam mencari maklumat. Cadangan seterusnya, pengkaji mencadangkan agar pihak kerajaan mengiktiraf alat muzik tradisional Geduk ini sebagai alat muzik warisan bagi negeri Kelantan dan juga negara. Alat muzik tradisional Geduk ini perlu diiktiraf setanding dengan persembahan Wayang Kulit Kelantan untuk memastikan alat muzik Geduk ini menjadi harta warisan negeri Kelantan supaya identiti Geduk ini tidak dicuri dan diiktiraf oleh negara warisan yang lain.

### **5.2.2 MASYARAKAT**

Masyarakat merupakan elemen yang penting dalam usaha mengekalkan warisan supaya dapat dipelihara dan dikekalkan kepada generasi seterusnya. Masyarakat perlu mengambil peluang untuk berganding bahu bersama kerajaan untuk memartabatkan lagi warisan muzik tradisional kelantan khususnya alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Hal ini kerana, wayang kulit Kelantan ini adalah simbol dan identiti masyarakat negeri Kelantan yang masih aktif meneruskan warisan budaya untuk mengekalkan budaya Wayang Kulit sehingga hari ini. Dengan pelbagai dugaan dan ujian yang ditempuhi oleh penggiat seni Wayang Kulit ini telah tempuhi bagi memelihara imej budaya wayang kulit di negeri Kelantan ini supaya diteruskan sehingga ke generasi akan datang. Peranan masyarakat juga sangat penting bagi menyedarkan masyarakat sekeliling tentang kepentingan menjaga dan memelihara alat muzik tradisional dalam persembahan Wayang Kulit kerana masyarakat kini lebih cenderung akan muzik moden yang semakin hari semakin berleluasa dalam golongan muda.

Hal ini disebabkan arus pemodenan dalam masyarakat yang berkembang mengikut keadaan semasa termasuklah dari segi budaya, muzik, pakaian, makanan dan sebagainya. Jika masyarakat sendiri tidak mengambil endah dalam menyedari golongan sekeliling, maka golongan mereka akan terus ditenggelami dengan pemodenan yang kian hari kian berkembang dan kesannya, mereka akan lupa dan tidak mengendahkan lagi tentang muzik tradisional apatah lagi alat-alat muzik tradisional khususnya alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Dengan itu, cadangan yang ingin diutarakan dalam masyarakat adalah masyarakat perlu menyokong usaha kerajaan dan membantu kerajaan untuk memastikan alat muzik tradisional ini dalam Wayang Kulit khususnya alat muzik tradisional Geduk ini dipelihara dan diperkenalkan kepada golongan masa kini yang semakin melupakan budaya dan warisan lama masyarakat dahulu. Masyarakat juga hendaklah mengambil peluang yang disediakan oleh kerajaan untuk memperkenalkan atau mempromosikan alat muzik tradisional Geduk ini dalam persembahan wayang kulit Kelantan ini kepada generasi kini dengan harapan dapat menarik minat mereka untuk mengubah haluan kepada muzik tradisional budaya masyarakat kita.

### **5.2.3 KERAJAAN**

Pemantauan daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap perusahaan ini amat penting dan diperlukan supaya perusahaan atau industri ini mendapat sambutan luar oleh masyarakat dan juga mampu bertahan dengan lebih lama. Sebagai contoh, pihak kerajaan terutamanya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan (JKKN) dan pihak Pelancongan Negeri Kelantan perlu memainkan peranan yang besar untuk memperkenalkan alat muzik tradisional Kelantan kepada masyarakat umum



terutamanya golongan belia dan pelancong. Antara usaha dan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengetengahkan alat muzik tradisional ini adalah pihak yang terlibat perlu mengadakan persembahan di majlis-majlis rasmi kerajaan dan juga di hotel.

Persembahan Wayang Kulit juga boleh dilaksanakan di mana-mana tempat dengan syarat mengikuti konsep dan tidak melanggar peraturan atau adat ketika melakukan persembahan wayang kulit Kelantan. Apabila melakukan persembahan Wayang Kulit secara terbuka dan kerap dalam sesuatu majlis, ianya akan mendedahkan budaya dalam persembahan wayang kulit ini kepada masyarakat luar dan jika dilihat dari struktur persembahan ianya meliputi iringan ensembel muzik sepanjang persembahan Wayang Kulit. Dengan itu, alat muzik tradisional dapat dipromosikan dengan melakukan persembahan secara terbuka dan kerap kepada masyarakat umum di samping menarik minat generasi kini untuk belajar dan meneruskan memelihara alat muzik tradisional khususnya alat muzik Geduk dalam Wayang Kulit Kelantan dan juga menjadikan alat muzik tradisional ini sebagai identiti masyarakat Kelantan. Selain itu, pihak kerajaan juga perlu menyediakan bengkel kepada masyarakat khususnya golongan muda dan juga belia. Seperti yang kita tahu, kepentingan bengkel alat muzik tradisional ini perlu disediakan oleh pihak yang berkaitan untuk mengasah bakat mereka dalam bidang alat muzik tradisional Kelantan terutamanya Geduk, hal ini kerana melalui latihan yang diberikan oleh tenaga pengajar yang pakar akan membantu masyarakat yang berminat dalam menyertai bengkel ini untuk meluaskan lagi kemahiran mereka selain dari bermain alat muzik tetapi boleh juga belajar tentang proses-proses pembuatan alat muzik tradisional. Masyarakat yang berminat menyertai bengkel ini akan memperoleh ilmu yang sangat luas kerana mereka tidak akan tertumpu kepada satu jenis alat muzik tradisional sahaja, malah banyak alat muzik tradisional yang lain mereka boleh pelajari

dengan bantuan tenaga pengajar yang pakar dalam seni. Dengan adanya bengkel ini, penganjur hendaklah menyediakan segala kemudahan bagi masyarakat yang menyertai bengkel yang dilakukan ini.

Hal ini perlu dilakukan dengan sempurna dan teratur sebagai contoh mengedarkan poster atau risalah berkaitan bengkel alat muzik tradisional kepada masyarakat awam secara percuma. Pendedahan awal ini penting untuk menarik minat masyarakat untuk menyertai bengkel tersebut. Di samping itu, pihak penganjur perlu mendapatkan tenaga pengajar yang pakar dalam bidang alat muzik tradisional samaada pengajar teori ataupun pertukangan. Hal ini kerana untuk menghasilkan masyarakat yang berbakat dalam bidang muzik tradisional dan juga boleh menghasilkan produk alat muzik tradisional dengan sendiri melalui proses pembelajaran pembuatan alat muzik tradisional secara awalan di bengkel. Jadi, pentingnya anjuran bengkel alat muzik tradisional ini kepada masyarakat umum sebagai langkah untuk memberi pendedahan kepada generasi kini untuk memelihara alat muzik tradisional wayang kulit Kelantan daripada ketinggalan zaman.

Selain dari itu, pihak pelancongan juga perlu mengadakan program alat muzik Kelantan yang perlu diperkenalkan kepada masyarakat luar khususnya kepada para pelancong. Selain dapat memperkenalkan alat muzik ini kepada masyarakat luar, program ini dapat menjana pendapatan ekonomi di negara kita. Hal ini kerana dengan kehadiran para pelancong ke negara ini, kesannya ekonomi juga akan dipertingkatkan khususnya dalam ekonomi pelancongan dalam negara kita dan ini akan membantu dalam peningkatan ekonomi secara postif dalam negara kita.

Cadangan dalam sistem pendidikan pula, kerajaan juga boleh membuat penambahan topik berkaitan alat muzik tradisional khususnya Geduk dalam sistem pendidikan negara. Hal ini dapat membantu pelajar untuk mengenali dengan lebih jelas berkaitan dengan alat muzik tradisional dalam persembahan Wayang Kulit kerana pelajar-pelajar ini akan diberikan pendedahan awal tentang semua jenis alat muzik tradisional dalam wayang kulit sebagai contoh, Serunai, Gendang, Geduk, Gong dan sebagainya. Pelajar juga boleh mempelajarinya secara teori di kelas dan juga pratikal dengan bermain alat muzik tradisional secara berperingkat dengan melalui proses latihan awalan. Dengan melakukan cara ini, golongan muda kini sudah terlatih dan berminat untuk meneruskan bakat mereka dalam melibatkan diri dengan dunia seni persembahan seperti Wayang Kulit, Mak Yong dan sebagainya. Bakat dan minat yang diasah dari peringkat awal sekolah ini akan membantu untuk membentuk pelajar dan masyarakat yang lain untuk mengekalkan seni tradisional ini khususnya dalam permainan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan.

Justeru. Pembuatan dalam alat muzik tradisional Geduk ini perlu dirancangkan lagi untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran terutamanya dari aspek jaminan kualiti yang lebih baik dan mempunyai ketahanan yang tinggi sesuai untuk digunakan dalam persembahan Wayang Kulit. Alat muzik tradisional Geduk yang dihasilkan secara berkualiti ini juga akan menarik minat kepada penggiat seni diluar untuk membeli dan menggunakannya semasa melakukan persembahan Wayang Kulit Kelantan. Aspek keindahan dalam alat muzik tradisional Geduk ini juga dapat dijadikan sebagai hiasan kepada masyarakat yang menggemar mengumpul alat muzik tradisional melayu. Cara ini dapat dijadikan sebagai langkah untuk mempromosikan alat muzik tradisional Geduk kepada masyarakat dan juga bangsa luar. Dengan penghasilan alat muzik tradisional yang bermutu, kualiti yang tinggi serta menekankan nilai estetik dalam rekabentuk

penghasilan alat muzik tradisional Geduk, maka ianya boleh di jual dan dipertingkatkan lagi rekabentuk dalam alat muzik tradisional dengan mengekalkan konsep dan bunyian yang asal. Oleh itu, cara ini amatlah berkesan sebagai langkah untuk mempamerkan budaya masyarakat kita kepada bangsa luar ataupun pelancong yang datang melawat di negara kita.

Tambahan pula, pihak penyelarasan seharusnya menubuhkan wisma mahupun galeri seni yang mengumpulkan pelbagai jenis alat muzik tradisional, terutamanya alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan agar dapat dikenali oleh semua lapisan masyarakat di negara kita. Kompleks yang didirikan juga adalah sebagai tempat yang boleh memasarkan alat muzik tradisional Geduk kepada orang ramai dan juga menjadi pusat destinasi dan tumpuan pelancong dari pelbagai negara yang datang melawat untuk melihat budaya dan keunikan yang terdapat dari masyarakat negara kita. Selain itu, pihak berkenaan juga perlu menubuhkan pusat - pusat latihan dalam pembuatan alat muzik tradisional ini termasuklah alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan.

Pusat latihan dalam pembuatan alat muzik tradisional ini perlu diberi peluang secara terbuka kepada masyarakat yang berminat dalam pembuatan alat muzik tradisional lagi-lagi golongan muda kini yang semakin terdedah dengan muzik-muzik moden. Oleh itu, pentingnya untuk menarik minat golongan muda ini untuk menyertai pusat latihan dalam mempelajari cara pembuatan alat muzik tradisional hal ini kerana untuk menjamin masa depan mereka dalam mewarisi kemahiran dalam pembuatan alat muzik warisan ini. Begitu juga dengan tenaga pengajar hendaklah mencukupi dan juga berpengalaman dalam semua hal berkaitan dengan alat muzik tradisional khususnya dalam alat muzik tradisional Geduk dalam Wayang Kulit Kelantan.

#### 5.2.4 USAHAWAN

Perkataan usahawan mula diperkenalkan pada tahun 1970 semasa pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Perkataan usahawan ini mempunyai maksud yang sama dengan perkataan Inggeris iaitu ‘ *Entrepreneur* ‘. Perkataan ‘ *Entrepreneur* ‘ ini berasal daripada Perancis “ *Entreprede* “ yang bermaksud “ *to undertake* “. Usahawan merujuk kepada seseorang yang mencipta suatu perniagaan baru dan menghadapi suatu keadaan yang tidak pasti demi untuk memperoleh keuntungan dan perkembangan semasa. Richard Cantilon (1986) mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang membekalkan modal. Peter Drucker (1964) berpendapat bahawa usahawan adalah individu yang memaksimumkan peluang. Keusahawanan juga merupakan salah satu strategi dalam membangunkan sesebuah perniagaan yang berperanan menyediakan peluang-peluang pekerjaan sebagai usahawan. Selain itu, keusahawanan juga boleh di definisikan sebagai cara usahawan menggunakan peluang untuk memulakan perniagaan dan mengembangkan perniagaan yang dijalankan. Menurut Yep Putih (1969) keusahawanan dikatakan sebagai satu kebolehan, kemampuan dan kecenderungan untuk memulakan perniagaan.

Dari aspek pengurusan dan pemasaran, pengeluaran produk seperti penghasilan alat muzik tradisional khususnya alat muzik Geduk dalam Wayang Kulit Kelantan perlu dipertingkatkan lagi pengeluarannya supaya permintaan terhadap alat muzik tradisional tersebut kian meningkat saban hari. Segala tempahan yang diperolehi samada dari dalam mahupun luar negeri perlu disiapkan dalam jangka masa tertentu sepertimana yang di rencanakan oleh pihak yang terlibat. Pengeluaran secara besar-besaran ini adalah sangat penting dalam meluaskan lagi perusahaan yang dijalankan khususnya lagi dalam bidang alat muzik tradisional Geduk dan lain-lain.

Seterusnya, jika dilihat dari perusahaan alat muzik tradisional yang melibatkan penghantaran ke negara luar iaitu eksport, pihak berkenaan perlu menekankan dalam proses untuk mengeksport alat muzik tradisional tersebut, hal ini demikian kerana pemilihan dari jenis bungkusan adalah amat penting supaya barangan yang hendak dieksport tidak mengalami kerosakan malah selamat sampai kepada pelanggan yang membuat tempahan terhadap alat muzik tradisional tersebut. Dengan penglibatan dalam proses eksport barangan ke luar negara, maka ianya adalah sebagai salah satu langkah untuk mempamerkan identiti budaya masyarakat kita yang masih mengamalkan persembahan Wayang Kulit serta dengan iringan ensembel muzik yang menggunakan alat muzik tradisional. Oleh itu, pengurusan yang cekap juga amatlah diperlukan supaya pengeluaran alat muzik tradisional Geduk Kelantan ini lebih teratur, sistematik dan juga dapat dikawal dengan baik.

Di samping itu, sebagai usahawan yang menghasilkan produk dalam alat muzik tradisional khususnya alat muzik Geduk dalam Wayang Kulit perlulah menitik beratkan reka corak dan motif dalam alat muzik tradisional Geduk. Hal ini dikatakan demikian kerana penghasilan motif yang baru terhadap alat muzik tradisional Geduk Kelantan mampu menarik perhatian masyarakat tidak mengira golongan belia dan juga muda pada hari ini. Dalam konteks ini, ia adalah amat bersesuaian dengan peredaran zaman yang mengikuti *trend* ataupun budaya luar dalam golongan masyarakat dan generasi akan datang. Pembangunan yang kian maju, di tambah lagi dengan kemodenan yang berlaku pada masa sekarang. Segala bentuk perubahan dan penambahan terhadap reka corak motif perlu diberikan penyesuaian yang menarik terhadap alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan wayang kulit Kelantan yang dihasilkan

### 5.2.5 PRODUK

Alat muzik tradisional Geduk yang digunakan dalam persembahan wayang kulit Kelantan boleh dijadikan sebagai salah satu produk yang boleh dipromosikan kepada masyarakat dan juga pelancong luar sebagai langkah untuk memperkenalkan alat muzik Geduk ini dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Kepentingan setiap alat muzik tradisional ini khususnya alat muzik Geduk memberikan keharmonian dalam sesebuah ensembel muzik tradisional. Kebiasaannya, persembahan wayang kulit Kelantan ini diiringi dengan ensembel muzik tradisional yang unik dan harmoni dalam melakukan sesebuah persembahan. Hal ini akan memberikan satu impak atau kesan kepada penonton yang melihat persembahan wayang kulit tersebut melalui iringan ensembel muzik serta lagu-lagu yang dimainkan oleh pemain-pemain muzik wayang kulit tersebut.

Tuntasnya, kepentingan dalam mempromosikan alat muzik tradisional Geduk ini sangat membantu masyarakat dan juga penggiat seni melalui pendedahan dalam mempromosikan produk disamping menarik minat masyarakat. Dengan penghasilan produk ini juga, bukan sahaja mereka dapat menjana pendapatan negara malah dapat meningkatkan pendapatan individu dan juga menaikkan lagi semangat masyarakat untuk memelihara kesenian alat muzik tradisional dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan khususnya alat muzik Geduk, produk-produk yang dihasilkan ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pembuat alat muzik tradisional sebagai contoh dari segi ukiran, rekaan dan sebagainya. Dengan menghasilkan produk yang mempunyai pelbagai variasi, keunikan dan idea yang kreatif dalam penghasilan produk, ianya akan membantu lagi dalam menaik tarafkan unsur moden dalam rekaan alat muzik Geduk dengan mempelbagaikan idea dalam rekaan sebagai contoh dengan menggunakan ukiran yang berkonsepkan moden dan juga tradisional terhadap alat muzik Geduk tersebut.

Dengan itu, langkah untuk mempromosikan alat muzik tradisional Geduk pun dipermudahkan dengan mempunyai rekaan dalam pembuatan alat muzik tersebut yang mempunyai nilai estetika dan unsur moden yang seimbang dengan unsur tradisional. Motif rekaan ini juga sebagai langkah untuk menarik minat masyarakat untuk tidak memandang rendah terhadap alat muzik tradisional. Kemajuan dalam bidang rekaan alat muzik tradisional ini boleh menyeimbangi selaras dengan arus kemodenan teknologi dari zaman ke zaman.

Antara produk yang lain boleh dihasilkan berkaitan dengan alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan ialah dengan menghasilkan catatan bertulis iaitu buku. Buku yang dihasilkan ini bertujuan untuk membantu pembaca dalam golongan pengkaji, pelajar, penggiat seni atau lain-lain sebagai rujukan terutamanya dalam institusi pendidikan. Buku yang perlu dihasilkan ini mestilah berkaitan dengan alat muzik tradisional dalam persembahan Wayang Kulit khususnya alat muzik Geduk. Hal ini demikian kerana, rujukan berkaitan dengan alat muzik Geduk ini masih kurang dalam pasaran termasuklah dalam rujukan laman sesawang, jurnal, bahan ilmiah dan sebagainya. Jika bahan rujukan berkaitan alat muzik Geduk ini tidak mencukupi, maka ianya akan memberikan kesukaran kepada pengkaji dan juga orang lain untuk mendapatkan maklumat dan juga mendalami ilmu berkaitan dengan alat muzik Geduk ini dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan.

Oleh itu, motif berkenaan penghasilan buku ini adalah untuk memudahkan masyarakat dan juga para pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan juga sebagai bahan rujukan untuk generasi akan datang dengan menghasilkan buku berguna kepada mereka. Dengan menerbitkan buku ilmiah berkaitan alat muzik Geduk ini ianya boleh membantu dalam menjawab segala persoalan terhadap alat muzik Geduk tersebut. Bahan ilmiah seperti buku ini juga menerangkan keseluruhan berkaitan dengan alat



muzik Geduk dari segi asal-usul , proses pembuatan, teknik permainan Geduk , cara pembelajaran dan juga latihan bermain alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Dengan adanya maklumat ini, maka ianya akan memudahkan para pengkaji sama ada pelajar sekolah atau pelajar universiti dalam mengkaji berkaitan dengan alat muzik Geduk dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan.

### **5.3 KESIMPULAN**

Melalui penyelidikan ini, pengkaji dapat memperlihatkan tentang daya dan imaginasi serta kreativiti tukang-tukang yang menghasilkan alat muzik tradisional ini khususnya dalam pembuatan alat muzik Geduk yang digunakan dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Pengkaji juga dapat mengetahui berkaitan dengan alat muzik tradisional Geduk ini mempunyai nilai yang tinggi kerana keasliannya yang tidak diubah, kekal dalam konsep tradisional dalam warisan walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi proses pembuatan alat muzik Geduk oleh tukang-tukang.

Hal ini kerana kreativiti dalam menghasilkan sesuatu alat muzik tradisional Geduk bergantung kepada idea dan juga perkembangan yang seiring dengan arus kemodenan masa kini yang nilai estetika dan rekaan yang semakin maju. Dengan itu, idea dan motif dalam pembuatan alat muzik tradisional Geduk mempunyai sedikit perbezaan dari segi ukiran, rekaan dengan syarat tidak melupakan konsep tradisional dan keaslian alat muzik Geduk tersebut sebagai contoh dengan mengekalkan beberapa motif ukiran flora tradisional yang meninggalkan kesan yang menarik dan dapat dilihat dengan unsur estetik yang bersesuaian terhadap alat muzik Geduk tersebut.

Nilai tersebut perlu dikekalkan supaya mutu dan kualitinya sentiasa terjamin, di samping boleh dikomersialkan kepada peringkat yang seterusnya. Alat muzik yang dicipta dengan ketelitian dan kepakaran yang sebegitu rupa perlu diteruskan kelangsungannya walaupun dewasa ini masyarakat lenih menggemari muzik moden yang semakin hari semakin meluas dan mempengaruhi budaya dalam masyarakat kita. Selain itu, penyelidikan ini juga dapat memberikan sumbangan ke arah pendokumentasian terhadap alat muzik Geduk itu sendiri sebagai warisan masyarakat Melayu dan boleh dijadikan sebagai rujukan kepada masyarakat serta boleh dijadikan juga rujukan untuk kajian akan datang. Dalam konteks ini juga, penekanan yang lebih serius perlu diberikan kepada alat muzik Geduk yang telah mendukung peranan yang banyak dalam muzik tradisional warisan.

## BIBLIOGRAFI

- Christopher Dino Anak David Ebol. (2009). *Kajian Tentang Alat Muzik Tradisional Silutuong dari Suku Kaum Bidayuh di Daerah Bau, Sarawak*, Latihan Ilmiah Sarjana Muda Seni Gunaan, Universiti Malaysia Sarawak.
- Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. (2003). *Wayang Kulit*. Dimuat turun dari [https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/wayang\\_kulit.pdf](https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/wayang_kulit.pdf), Pada 10 Jun 2020.
- Kamaruddin Yusoff. (2015). *Teknik permainan Serunai Dalam Konteks Pengajaran dan Pembelajaran Muzik Tradisional Wayang Kulit Kelantan: Satu Kajian Kes*: Tesis Sarjana Pendidikan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Kerlinger, F. N. (1970). A social attitude scale: Evidence on reliability and validity. *Psychological Reports*, 26(2), 379-383.
- Matusky, Patricia. (1993). *Malaysian Shadow Play and Music: Continuity of an Oral Tradition*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Matusky, Patricia. (1991). "Musical Instruments Of The Indigeous Peoples." In *Sarawak Cultural Legacy*, ed. Lucas Chin, 232-246.

- Mohd Azam Sulong et al. (2013). *Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi*, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Unversiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Mohammed Ghouse Nasaruddin. (2003). *Muzik Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammed Ghouse Nasaruddin. (2000). *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurulain, M. S. (2016). *Pergerakan patung wayang kulit Kelantan: Perdalangan Yusoff Mamat/Nurulain Mohamad Salihuddin* Doctoral dissertation, University of Malaya.
- Sabitha, Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Malaysia: Pearson Prentice Hall. Department of Administrative Studies and Politics, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya.